



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019 SIRI 2

AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

NEGERI SEMBILAN

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





ISSN 2805-5314



9 7 7 2 8 0 5 5 3 1 0 0 3

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara Malaysia  
Blok F2 dan F3, Kompleks F  
Lebuh Perdana Timur, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62000 Putrajaya  
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>  
Emel: [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my)  
Tel.: 603-8091 1000  
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 28 September 2021

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



Dicetak Oleh  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Kuala Lumpur, 2021  
Laman web: [www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
Emel: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel: 603-9236 6895  
Faks: 603-9222 4773



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019 SIRI 2

AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

**NEGERI SEMBILAN**

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# **KANDUNGAN**



---

## KANDUNGAN

---

	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENDAHULUAN</b>	vii
<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
<b>JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN</b>	1 - 3
1. Pengurusan Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah	
<b>UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI LEMBAGA PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN</b>	2 - 3
2. Pembangunan Industri Pelancongan Negeri Sembilan	
<b>PENUTUP</b>	3 - 3
<b>AKRONIM</b>	4 - 3





# PENDAHULUAN



---

## PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

**1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

**1.2. Pengauditan Pematuhan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di kementerian/jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

**1.3. Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

**1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 2 ini hanya meliputi pengauditan prestasi, yang mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap dua aktiviti di dua jabatan dan satu agensi Kerajaan Negeri Sembilan. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan Kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Pelaksanaan pengauditan berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI).

3. Pandemik Covid-19 terbukti menjadi medan yang menguji ketahanan setiap jabatan/agensi Kerajaan dan tidak terkecuali juga JAN. Di sebalik situasi luar biasa yang terjadi sejak tahun 2020, di mana Malaysia telah melalui beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard pengoperasian pejabat kerajaan yang ketat, JAN masih dapat menyiapkan LKAN Tahun 2019 Siri 2

bagi memenuhi mandat yang ditetapkan. Pada asalnya LKAN ini dijadual untuk dibentangkan di Dewan Rakyat pada bulan Mac 2021, dan setelah itu dibentangkan pula dalam sidang Dewan Undangan Negeri. Namun disebabkan sidang Dewan Rakyat tidak dapat diadakan seperti mana jadual asal yang ditetapkan, keadaan ini turut memberi kesan terhadap jadual pembentangan LKAN. Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan Audit yang dilaporkan dalam LKAN ini masih relevan dalam menambah baik pengurusan program/aktiviti Kerajaan negeri.

4. Pandemik Covid-19 juga memerlukan JAN untuk mengadaptasikan perubahan dalam pelaksanaan kerja. Hal ini dilakukan dengan memperkasa teknologi digital, memanfaatkan platform dalam talian sepenuhnya dan menyelaras program pengauditan untuk disesuaikan dengankekangan sumber dan keterbatasan pergerakan fizikal pegawai. Jabatan/agensi yang diaudit turut mengambil pendekatan secara dinamik dan telah memberikan sokongan untuk memastikan proses pengauditan dapat disempurnakan.

5. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Penutup diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada pemegang taruh mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak lapan syor untuk diambil tindakan oleh jabatan/agensi berkenaan. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan negeri.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan/agensi Kerajaan negeri berkenaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pegawai JAN yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.

**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**

**30 Ogos 2021**



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN**

- 1. PENGURUSAN SKIM PINJAMAN INDUK  
TANPA FAEDAH**



## RINGKASAN EKSEKUTIF

# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN

## PENGURUSAN SKIM PINJAMAN INDUK TANPA FAEDAH

### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit

- Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah (PINTAF) merupakan skim galakan untuk penternak mendapatkan ternakan ruminan seperti lembu pedaging, lembu tenuus, kambing dan bebiri melalui ikatan perjanjian dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS). Penternak akan dikenakan bayaran balik dengan cara pemulangan seekor anak dari setiap ternakan induk yang diterima.
- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap Skim PINTAF bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019 yang meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan skim. Data-data pencapaian output dan pencapaian keberhasilan telah dikemas kini sehingga tahun 2020 bagi memberi gambaran yang lebih jelas mengenai prestasi JPVNS di bawah skim ini.
- Prestasi program dinilai melalui elemen pencapaian output iaitu pengagihan baka dan induk ternakan serta peningkatan populasi ternakan. Pencapaian keberhasilan pula dinilai terhadap peningkatan pendapatan dan sosioekonomi peserta Skim PINTAF dan kadar kemampuan Tahap Sara Diri (SSL) pengeluaran daging dan tenuus.
- Pengurusan program dinilai terhadap pencapaian kewangan, pengurusan aktiviti dan pemantauan.
- Pengauditan melibatkan JPVNS dan empat Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) Seremban, Kuala Pilah, Jelebu dan Tampin.

#### Mengapa ia penting untuk diaudit

- Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, Kerajaan membelanjakan sejumlah RM3.79 juta bagi program Pengurusan Skim PINTAF, iaitu bagi perolehan baka dan induk ternakan untuk diagihkan kepada peserta Skim PINTAF.
- Tujuan Skim PINTAF adalah untuk meningkatkan populasi ternakan dengan membentuk usahawan ternak yang berdaya maju dan berdaya saing serta mentransformasikan penternak ke tahap komersial, di samping meningkatkan kemampuan SSL bagi pengeluaran daging dan tenuus di Negeri Sembilan.

- RMKe-11 mensasarkan pengeluaran daging mencapai kadar SSL 60% bagi daging lembu, 40% bagi daging kambing/bebiri dan 567 mt/tahun bagi tenusu menjelang tahun 2020.

**Apa yang ditemui Audit?** Berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa pengurusan Skim PINTAF masih tidak dapat mencapai sasaran output dan keberhasilan yang ditetapkan oleh JPVNS. Daripada aspek pengurusan pula, pelaksanaannya adalah kurang cekap kerana berlaku kelemahan seperti pemilihan peserta yang tidak teratur, kelewatan penyediaan dan penyerahan perjanjian, pengurusan pembekalan yang kurang cekap, pendaftaran ternakan yang lemah, kelewatan penyerahan ternakan dan pemantauan yang tidak menyeluruh. Perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Prestasi Skim PINTAF
  - dengan mengambil kira bilangan kelahiran dan kematian sepanjang tempoh tahun 2016 hingga 2020, baki ternakan di bawah Skim PINTAF adalah sebanyak 1,556 ekor, iaitu meningkat 1.8% sahaja berbanding bilangan agihan sebanyak 1,529 ekor bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020. Kadar kelahiran adalah 22.2%, hanya sedikit lebih tinggi berbanding kadar kematian (20.5%);
  - mengikut Laporan Prestasi Projek Ternakan Skim PINTAF dan maklumat yang diperoleh JPVNS melalui maklum balas daripada penternak, sebanyak 334 ekor kelahiran telah direkodkan sehingga tahun 2020. Jumlah kelahiran sebenar lebih rendah daripada bilangan yang dianggarkan oleh pihak audit (832 ekor) dengan kurangan sebanyak 498 ekor;
  - JPVNS tidak menetapkan sasaran khusus bagi mengukur tahap pencapaian prestasi program. Bagaimanapun daripada soal selidik yang dijalankan, 56 responden atau 83.6% menyatakan program ini membantu meningkatkan pendapatan dan tahap sosioekonomi mereka; dan
  - pencapaian keberhasilan Skim PINTAF bagi tiga aspek yang dinilai, iaitu kadar SSL pengeluaran daging lembu, kadar SSL pengeluaran daging kambing dan kadar SSL pengeluaran susu lembu tidak tercapai.

- Pengurusan Program
  - dokumen perjanjian antara JPVNS dengan peserta tidak lengkap dan tidak sempurna. Terdapat seramai 10 peserta masih belum mempunyai dokumen perjanjian dan 22 peserta lewat dan masih belum menyempurnakan dokumen perjanjian (duti setem) antara lima hingga 1,058 hari;
  - kelewatan serahan baka ternakan kepada peserta antara 12 hingga 196 hari daripada tarikh laporan pemeriksaan kesihatan;
  - kelemahan dalam daftar ternakan melalui teknik kacip telinga (ear notching) yang mudah tercabut menyukarkan proses pengenalan diri ternakan dan Buku Daftar Pejabat tidak kemaskini;
  - hanya 14 orang (15.1%) daripada 93 peserta yang menerima Skim PINTAF telah memulangkan ternakan mengikut perjanjian yang ditandatangani. Ini melibatkan sebanyak 98 ekor ternakan (8.1%) daripada 1,213 ekor induk ternakan yang telah diagihkan bagi tempoh 2016 hingga 2019; dan
  - pemantauan dan pelaporan terhadap Skim PINTAF tidak dilaksanakan oleh PPVD mengikut arahan yang ditetapkan.



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN

## 1. PENGURUSAN SKIM PINJAMAN INDUK TANPA FAEDAH

### FAKTA UTAMA

#### **RM5.04 Juta**

Peruntukan yang diluluskan Kerajaan Negeri Sembilan (tahun 2016 hingga 2020)

#### **110** peserta (7 daerah)

**1,529** ekor agihan ternakan

#### **Pemilihan Sampel:**

**26** peserta (4 daerah)

**546** ternakan (4 komoditi)

#### **Objektif Program**

Meningkatkan populasi ternakan dengan membentuk usahawan ternak yang berdaya maju dan berdaya saing serta mentransformasikan penternak ke tahap komersial.

#### **Bahagian Industri Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS)**

Melaksanakan Program Peningkatan Pengeluaran Ternakan (PPT Ruminan), memberi khidmat teknikal dan kepakaran serta mengagihkan baka ternakan kepada peserta.

#### **Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah (PINTAF)**

Skim galakan untuk penternak mendapatkan ternakan ruminan melalui ikatan perjanjian dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Peningkatan Pengeluaran Ternakan (PPT Ruminan) merupakan salah satu program di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Negeri Sembilan yang mengguna pakai kod program P52. Program PPT Ruminan ini terbahagi kepada empat, iaitu Program PPT Lembu atau Kerbau Pedaging, Program PPT Lembu Tenuus, Program PPT Kambing atau Bebiri dan Program PPT Industri Unggas, Aneka Haiwan dan Kesejahteraan Rakyat. Objektif Program PPT Ruminan adalah untuk meningkatkan populasi ternakan dengan membentuk usahawan ternak yang berdaya maju dan berdaya saing serta mentransformasikan penternak ke tahap komersial.

1.2. Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah (PINTAF) merupakan antara kaedah bagi mencapai objektif Program PPT Ruminan. PINTAF merupakan skim galakan untuk penternak mendapatkan ternakan ruminan seperti lembu pedaging, lembu tenuus, kambing dan bebiri melalui ikatan perjanjian dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS). Penternak akan dikenakan bayaran balik dengan cara pemulangan seekor anak dari setiap ternakan induk yang diterima.

1.3. JPVNS bertanggungjawab melaksanakan perolehan baka pejantan (baka) dan induk betina (induk) ternakan untuk diagihkan kepada peserta di bawah Skim PINTAF mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

## **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada Skim PINTAF di bawah Program PPT Ruminan telah diuruskan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu:

- a. meningkatkan populasi ternakan dengan membentuk usahawan ternak yang berdaya maju dan berdaya saing;
- b. mentransformasikan penternak ke tahap komersial; dan
- c. meningkatkan kemampuan Tahap Sara Diri (SSL) bagi pengeluaran daging dan susu di Negeri Sembilan.

## **3. SKOP PENGAUDITAN**

3.1. Skop pengauditan adalah bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019 yang meliputi dua bidang utama Audit, iaitu prestasi dan pengurusan Skim PINTAF. Bagaimanapun untuk tujuan penilaian prestasi program, data-data tahun 2020 juga telah dianalisis bagi menggambarkan pencapaian Skim PINTAF yang lebih tepat setakat 31 Disember 2020. Prestasi program merangkumi dua perkara, iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan (outcome).

3.2. Pengurusan program meliputi tiga perkara, iaitu pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti dan pemantauan. Pengauditan dan lawatan fizikal telah dijalankan di JPVNS serta Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) Seremban, Kuala Pilah, Jelebu dan Tampin. Pemilihan daerah adalah berdasarkan kepada empat kriteria, iaitu merupakan daerah yang disenaraikan sebagai kawasan sasaran (Negeri Sembilan Timur), kepelbagaiannya variasi ternakan, bilangan peserta dan kuantiti agihan yang tinggi. Lawatan fizikal juga telah dilaksanakan di 26 lokasi melibatkan 546 ternakan bagi menilai prestasi pelaksanaan program secara fizikal.

## **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak, memeriksa dan menganalisis rekod serta dokumen berhubung pengurusan Skim PINTAF. Selain itu, temu bual telah dibuat dengan pegawai yang bertanggungjawab dan peserta bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan. Pihak Audit turut menjalankan lawatan fizikal bersama pegawai JPVNS di lokasi ternakan yang terpilih.

## 5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas JPVNS telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 22 Oktober 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

### 5.1. Prestasi Program

#### 5.1.1. Pencapaian Output

##### a. Prestasi Perolehan dan Agihan Baka Ternakan

Prestasi agihan baka dan induk ternakan dinilai berdasarkan perolehan ternakan berbanding agihan kepada peserta Skim PINTAF bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020. Penemuan Audit mendapati perkara seperti yang berikut:

- i. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Peralatan dan Input Ternakan yang dipengerusikan oleh Pengarah JPVNS, bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, JPVNS telah merancang perolehan sebanyak 1,845 ekor baka dan induk ternakan untuk diagihkan kepada 138 peserta. Sebanyak 1,529 (97.7%) daripada 1,565 baka ternakan tersebut telah diagihkan kepada 110 peserta Skim PINTAF. Baki 36 ekor baka ternakan (kambing) tidak diagihkan dan telah ditempatkan di Pusat Sumber Ternakan Silau, Rantau. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PRESTASI PEROLEHAN DAN AGIHAN TERNAKAN**  
**DI BAWAH SKIM PINTAF BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

BIL.	TERNAKAN	PRESTASI AGIHAN TERNAKAN				
		PEROLEHAN		AGIHAN		BAKI TERNAKAN (Ekor)
		SASARAN (Ekor)	SEBENAR (Ekor)	BILANGAN (Ekor)	(%)	
1.	Lembu Pedaging	430	230	230	100.0	-
2.	Lembu Tenusu	137	137	137	100.0	-
3.	Kambing	841	832	796	95.7	36
4.	Bebiri	437	366	366	100.0	-
<b>JUMLAH</b>		<b>1,845</b>	<b>1,565</b>	<b>1,529</b>	<b>97.7</b>	<b>36</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Negeri Sembilan

- ii. Analisis perolehan mengikut tahun menunjukkan **berlaku pengurangan perolehan baka ternakan pada tahun 2016 dan 2018, iaitu masing-masing mencapai 69.3% dan 65.8% sahaja berbanding sasaran**. Pada tahun 2018, perolehan hanya 127 (65.8%) berbanding 193 ekor baka ternakan yang disasarkan, dan mencatatkan

penurunan sebanyak 274 ekor (68.3%) berbanding perolehan pada tahun 2017. Hal ini terjadi disebabkan penemuan tanda-tanda klinikal FMD sewaktu pemeriksaan ternakan di ladang transit pembekal di Pasir Mas, Kelantan. Sehubungan itu, Jawatankuasa Pemilih dan Pemeriksa Ternakan telah sebulat suara menolak kesemua ternakan dari ladang tersebut kerana kawasan ladang telah tercemar dengan jangkitan FMD. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PRESTASI PEROLEHAN TERNAKAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

TAHUN	PEROLEHAN TERNAKAN		
	SASARAN (Ekor)	SEBENAR	
		(Ekor)	(%)
2016	672	466	69.3
2017	401	401	100.0
2018	193	127	65.8
2019	345	345	100.0
2020	234	226	96.6
<b>JUMLAH</b>	<b>1,845</b>	<b>1,565</b>	<b>84.8</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Negeri Sembilan

- iii. Prestasi perolehan yang lebih rendah daripada sasaran telah menjelaskan agihan ternakan kepada peserta Skim PINTAF. **Analisis Audit terhadap jumlah peserta yang menerima agihan ternakan mendapati prestasi agihan hanya mencapai 79.7% iaitu melibatkan 110 daripada 138 peserta** yang disasarkan oleh Jawatankuasa Bantuan Peralatan dan Input Ternakan. Butiran lanjut prestasi agihan baka ternakan adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**BILANGAN PESERTA SKIM PINTAF**  
**DAN AGIHAN BAKA TERNAKAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020**

TERNAKAN	2016		2017		2018		2019		2020		JUMLAH	
	a	b	a	b	a	b	a	b	a	b	a	b
Lembu Pedaging	5	30	23	99	-	-	2	37	3	64	33	230
Lembu Tenusu	7	32	10	34	1	21	2	20	4	30	24	137
Kambing	10	248	14	268	2	106	2	148	2	26	30	796
Bebiri	12	156	-	-	-	-	3	140	8	70	23	366
<b>JUMLAH AGIHAN</b>	<b>34</b>	<b>466</b>	<b>47</b>	<b>401</b>	<b>3</b>	<b>127</b>	<b>9</b>	<b>345</b>	<b>17</b>	<b>190</b>	<b>110</b>	<b>1,529</b>
<b>JUMLAH PEROLEHAN</b>												
<b>BAKI TIDAK DIAGIH</b>			-	-		-		-			<b>36</b>	<b>36</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan

Nota: (a) - Bilangan Peserta (Orang)  
(b) - Agihan Ternakan (Ekor)

- iv. Prestasi agihan berdasarkan daerah pula menunjukkan Seremban mencatat penerimaan baka ternakan tertinggi, iaitu 385 (25.2%) daripada 1,529 ekor, dan diikuti oleh Kuala Pilah sebanyak 360 ekor (23.5%). Daerah lain ialah Jelebu 15.7%, Rembau 12%, Port Dickson 10.9%, Tampin 8.7% dan Jempol 3.9%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PRESTASI AGIHAN TERNAKAN DI BAWAH SKIM PINTAF**  
**MENGIKUT DAERAH BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

BIL.	DAERAH	TAHUN					JUMLAH TERNAKAN	
		2016	2017	2018	2019	2020	EKOR	(%)
1.	Seremban	113	82	106	84	0	385	25.2
2.	Kuala Pilah	179	54	21	74	32	360	23.5
3.	Port Dickson	56	26	0	70	15	167	10.9
4.	Rembau	8	70	0	80	26	184	12.0
5.	Jelebu	56	95	0	34	55	240	15.7
6.	Jempol	16	33	0	0	11	60	3.9
7.	Tampin	38	41	0	3	51	133	8.7
<b>JUMLAH</b>		<b>466</b>	<b>401</b>	<b>127</b>	<b>345</b>	<b>190</b>	<b>1,529</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan

### b. Peningkatan Populasi Ternakan Ruminan

- i. RMKe-11 menyasarkan peningkatan pengeluaran daging ruminan dan tenuus dari segi kuantiti dan kualiti melalui peningkatan populasi ternakan ruminan. Semakan Audit mendapati kaedah yang jelas bagi menilai prestasi peningkatan populasi ternakan belum disediakan oleh JPVNS.
- ii. Pihak Audit telah menganalisis jumlah populasi ternakan untuk mengukur sama ada berlaku peningkatan atau penurunan dalam tempoh lima tahun pelaksanaan Program PINTAF. Analisis telah dijalankan dengan membandingkan bilangan agihan ternakan (baka dan induk) yang dibuat pada tahun 2016 dengan baki ternakan pada akhir tahun 2020 dengan mengambil kira jumlah kelahiran dan kematian. Hasil analisis menunjukkan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, jumlah kelahiran adalah 340 manakala jumlah kematian adalah 313. Dengan mengambil kira bilangan kelahiran dan kematian sepanjang tempoh tahun 2016 hingga 2020, **baki ternakan di bawah Skim PINTAF adalah sebanyak 1,556 ekor, iaitu meningkat 1.8% sahaja berbanding bilangan agihan sebanyak 1,529 ekor pada tahun 2016**. Kadar kelahiran adalah 22.2%, hanya sedikit lebih tinggi berbanding kadar kematian (20.5%). Kadar

kelahiran ternakan tertinggi adalah lembu tenusu iaitu 27.7% manakala kadar kematian tertinggi adalah kambing iaitu 25%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5** dan trend peningkatan atau penurunan bilangan kelahiran dan kematian ditunjukkan seperti dalam **Carta 1** hingga **Carta 4**.


**JADUAL 5**  
**PENINGKATAN POPULASI TERNAKAN SKIM PINTAF**  
**DI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020**

JENIS TERNAKAN	TAHUN	TERNAKAN						PERATUS PENINGKATAN/(PENURUNAN) (%) (d/a%) -100
		BIL. AGIHAN (Ekor) (a)	KELAHIRAN*		KEMATIAN**		BIL. (Ekor) (a+b-c)=(d)	
			BIL. (Ekor) (b)	KADAR (%) (b/a)	BIL. (Ekor) (c)	KADAR (%) (c/a)		
Lembu Pedaging	2016	30	8	26.7	2	6.7	36	20.0
	2017	99	22	22.2	6	6.1	115	16.2
	2018	0	0	0.0	0	0.0	0	0.0
	2019	37	6	16.2	0	0.0	43	16.2
	2020	64	0	0.0	0	0.0	64	0.0
<b>JUMLAH</b>		<b>230</b>	<b>36</b>	<b>15.7</b>	<b>8</b>	<b>3.5</b>	<b>258</b>	<b>12.2</b>
Lembu Tenusu	2016	32	6	18.8	4	12.5	34	6.3
	2017	34	15	44.1	9	26.5	40	17.6
	2018	21	2	9.5	1	4.8	22	4.8
	2019	20	12	60.0	0	0.0	32	60.0
	2020	30	3	10.0	2	6.7	31	3.3
<b>JUMLAH</b>		<b>137</b>	<b>38</b>	<b>27.7</b>	<b>16</b>	<b>11.7</b>	<b>159</b>	<b>16.1</b>
Kambing	2016	248	28	11.3	50	20.2	226	-8.9
	2017	268	125	46.6	139	51.9	254	-5.2
	2018	106	38	35.8	3	2.8	141	33.0
	2019	148	22	14.9	7	4.7	163	10.1
	2020	26	0	0.0	0	0.0	26	0.0
<b>JUMLAH</b>		<b>796</b>	<b>213</b>	<b>26.8</b>	<b>199</b>	<b>25.0</b>	<b>810</b>	<b>1.8</b>
Bebiri	2016	156	27	17.3	82	52.6	101	-35.3
	2017	0	0	0.0	0	0.0	0	0.0
	2018	0	0	0.0	0	0.0	0	0.0
	2019	140	23	16.4	3	2.1	160	14.3
	2020	70	3	4.3	5	7.1	68	-2.9
<b>JUMLAH</b>		<b>366</b>	<b>53</b>	<b>14.5</b>	<b>90</b>	<b>24.6</b>	<b>329</b>	<b>-10.1</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,529</b>	<b>340</b>	<b>22.2</b>	<b>313</b>	<b>20.5</b>	<b>1,556</b>	<b>1.8</b>


Sumber: JPVNS, PVD Seremban, Kuala Pilah, Port Dickson, Jempol, Jelebu, Rembau dan Tampin

Nota: (\*) dan (\*\*) – JPVNS/PPVD tidak merekodkan dan mengemas kini maklumat kelahiran dan kematian ternakan bagi peserta yang masih dalam tempoh perjanjian. Maklumat kelahiran ternakan sebanyak 340 ekor dan kematian sebanyak 313 ekor diperoleh daripada maklum balas yang dikemukakan oleh peserta.


(\*\*\*) – Baki merujuk kepada Baki Tahun Semasa




Sumber: Jabatan Audit Negara



Sumber: Jabatan Audit Negara



Sumber: Jabatan Audit Negara



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. JPVNS memaklumkan faktor yang mempengaruhi kadar kelahiran adalah seperti sumber makanan dan pengurusan pemakanan, kesihatan ternakan, pembiakan dan pengurusan ladang oleh peserta. Manakala punca kematian ternakan terutamanya bagi ternakan kambing dan bebiri adalah disebabkan ketidaksesuaian ternakan di kawasan ladang ternakan baharu, kembung atau sakit perut, cirit-birit, keracunan, kecacingan, dan mati akibat digigit anjing liar.
- iv. Selanjutnya, pihak Audit juga telah menganalisis kadar kelahiran ternakan dalam tempoh perjanjian. Klaus perjanjian Skim PINTAF menyatakan tempoh perjanjian untuk ternakan ruminan adalah lima tahun atau sehingga peserta dapat menyelesaikan pemulangan semula ternakan seperti yang

ditetapkan. Pemulangan hanya dikenakan ke atas **jumlah induk ternakan yang diterima oleh peserta [tidak termasuk ternakan baka (pejantan)]**.

- v. Merujuk kepada Siri Panduan Asas Penternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, tempoh bunting bagi induk lembu ialah sembilan bulan manakala induk kambing atau bebiri ialah lima bulan. Selepas kelahiran, dalam tempoh dua hingga tiga bulan, anak ternakan akan melalui proses cerai susu bagi membolehkan proses pembiakan yang seterusnya.
- vi. Berdasarkan kepada tempoh minimum lima tahun daripada tarikh penerimaan ternakan oleh peserta dan tempoh bunting sehingga proses cerai susu, jumlah kelahiran yang dianggarkan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah sebanyak 832 ekor. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**ANGGARAN KELAHIRAN TERNAKAN**  
**DI BAWAH SKIM PINTAF SELURUH NEGERI SEMBILAN**  
**(BAGI INDUK YANG DIAGIHKAN PADA TAHUN 2016 HINGGA 2019)**

JENIS TERNAKAN	BIL. INDUK TERNAKAN YANG DIAGIHKAN* (Ekor)	ANGGARAN KELAHIRAN MENGIKUT TAHUN (KIRAAN AUDIT) (Ekor)					KELAHIRAN SEBENAR (Ekor)	BEZA (Ekor)
		2017	2018	2019	2020	JUMLAH		
Lembu Pedaging	144	6	27	27	36	96	36	60
Lembu Tenusu	89	6	12	16	22	56	35	21
Kambing	715	59	121	146	179	505	213	292
Bebiri	265	36	36	36	67	175	50	125
<b>JUMLAH</b>	<b>1,213</b>	<b>107</b>	<b>196</b>	<b>225</b>	<b>304</b>	<b>832</b>	<b>334</b>	<b>498</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Negeri Sembilan

Nota: Jumlah agihan keseluruhan tahun 2016 hingga 2019 ialah 1,339, sebanyak 1,213 ekor adalah ternakan induk manakala 126 ekor adalah ternakan baka. Kadar kelahiran hanya mengambil kira jumlah ternakan induk yang diagihkan.

- vii. Mengikut Laporan Prestasi Projek Ternakan Skim PINTAF dan maklumat yang diperoleh JPVNS melalui maklum balas daripada penternak, sebanyak 334 ekor kelahiran telah direkodkan sehingga tahun 2020. Jumlah kelahiran sebenar lebih rendah daripada bilangan yang dianggarkan oleh pihak audit dengan kurangan sebanyak 498 ekor. Ini disebabkan oleh tahap kesihatan ternakan yang menjadikan ternakan tidak subur serta keadaan kawasan ternakan yang sempit dan tidak selesa.

## **Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020**

Setiap permohonan bantuan ternakan akan dinilai berdasarkan syarat permohonan bantuan yang telah ditetapkan dan dijalankan oleh PPVD. Permohonan yang disokong akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Peralatan Dan Input Ternakan (JBPI) untuk dimuktamadkan keputusan permohonan tersebut. Berdasarkan kepada permohonan yang diluluskan dan peruntukan kewangan, JPVNS akan menentukan jumlah ternakan yang akan dibeli pada tahun semasa. Oleh sebab itu jumlah ternakan berbeza pada setiap tahun selain faktor teknikal yang di luar kawalan seperti wabak penyakit semasa pemilihan ternakan dijalankan. Jumlah keseluruhan perolehan pada tahun 2016 hingga 2019 adalah 1,339 ekor bagi semua komoditi.

**Pendapat Audit** | **Prestasi agihan ternakan bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah baik kerana JPVNS telah melaksanakan 84.8% perolehan dan telah membuat 97.7% pengagihan ternakan berbanding yang dirancang. Bagaimanapun, jumlah peserta yang menerima agihan ternakan hanya 110 (79.7%) berbanding 138 peserta yang disasarkan. Selain itu, kadar kelahiran juga rendah, iaitu 334 (40.9%) ekor berbanding 832 ekor kelahiran yang dianggarkan.**

### **5.1.2. Pencapaian Keberhasilan**

Surat Pekeliling Am (SPA) Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome. SPA ini menjelaskan penilaian keberhasilan dan impak program digunakan untuk mengukur sama ada sesuatu dasar, program atau projek mencapai matlamat yang ditetapkan serta mendatangkan faedah kepada kumpulan sasar atau sebaliknya. Semakan Audit mendapati perkara seperti yang berikut:


#### **a. Peningkatan Pendapatan dan Sosioekonomi Penternak**

- i. RMKe-11 menyasarkan peningkatan pendapatan peserta yang menerima agihan ternakan melalui Skim PINTAF. Semakan Audit mendapati peningkatan pendapatan peserta tidak dapat diukur kerana tiada bukti penyediaan rekod pengiraan pendapatan peserta bagi menilai keberkesanan Skim PINTAF dalam mencapai objektif meningkatkan pendapatan peserta.

JPVNS juga belum membuat penambahbaikan kaedah penilaian terhadap peningkatan pendapatan peserta walaupun telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013.

- ii. Bagaimanapun, pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada 93 responden yang terdiri daripada penerima bantuan dari tahun 2016 hingga 2019 di bawah Skim PINTAF di semua daerah di Negeri Sembilan. Daripada 93 soal selidik yang diedarkan, 67 soal selidik atau 72% responden telah memberi maklum balas.
- iii. Analisis Audit terhadap 67 responden mendapat 45 responden (67.2%) terlibat dengan Skim PINTAF secara sepenuh masa manakala 22 responden (32.8%) terlibat secara separuh masa. Selain itu, seramai 56 responden (83.6%) menyatakan program ini membantu meningkatkan pendapatan dan tahap sosioekonomi peserta. Butirannya seperti dalam **Carta 5**.

**CARTA 5**  
**MAKLUM BALAS PESERTA TERHADAP SKIM PINTAF**




Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan

- iv. Selanjutnya, maklum balas berhubung pendapatan peserta Skim PINTAF adalah seperti berikut:
  - 53 responden (79.1%) menyatakan mereka memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM1,000 ke atas. Namun 35 responden (66.0%) menyatakan pendapatan mereka sememangnya telah melebihi RM1,000

ke atas sebelum menyertai Skim PINTAF lagi. Manakala 18 responden (34%) menyatakan mereka berjaya meningkatkan pendapatan bulanan melebihi RM1,000 ke atas selepas menyertai Skim PINTAF.

- 14 responden (20.9%) masih berpendapatan di bawah RM1,000 sebulan.
- v. Maklum balas hasil daripada soal selidik yang dijalankan adalah seperti dalam **Carta 6**.

**CARTA 6**  
**PENDAPATAN PESERTA PROGRAM PINTAF**



Sumber: Jabatan Audit Negara

### Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020

Prestasi peningkatan pendapatan peserta tidak pernah diukur sama ada sebelum atau setelah menerima bantuan ternakan. Pihak JPVNS telah menyediakan penambahbaikan SOP Pemantauan Program Bantuan Ternakan Ruminan dan diselaraskan di semua daerah bermula Oktober 2020 supaya aktiviti pemantauan yang lebih berkesan dapat dilaksanakan pada kadar segera.

**Pendapat Audit** | Penilaian keberkesanan program dalam mencapai objektif meningkatkan pendapatan peserta sukar diukur kerana pihak JPVNS tidak membuat pemantauan atau susulan terhadap semua peserta Skim PINTAF.

**b. Kadar Kemampuan Tahap Sara Diri (SSL) Pengeluaran Daging dan Susu**

- i. RMKe-11 menyasarkan peningkatan terhadap kemampuan SSL bagi pengeluaran daging dan susu di seluruh Negeri Sembilan. Berdasarkan RMKe-11, penetapan sasaran SSL bagi pengeluaran daging dan susu adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**SASARAN KADAR SARA DIRI (SSL) RMKe-11 BAGI NEGERI SEMBILAN**

KATEGORI TERNAKAN	SASARAN
Lembu Pedaging	Peningkatan 60% menjelang tahun 2020
Lembu Tenuku	Pengeluaran tenuku 567 mt/tahun
Kambing/Bebiri	Peningkatan 40% menjelang tahun 2020

Sumber: RMKe-11, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan

- ii. Semakan Audit mendapati JPVNS ada membuat bincian ternakan dan jumlah pengeluaran daging ternakan tempatan dan susu di seluruh Negeri Sembilan pada setiap tahun, iaitu dari tahun 2016 hingga 2020.
- iii. Semakan Audit terhadap statistik JPVNS menunjukkan **populasi ternakan ruminan telah menurun dari tahun 2016 hingga 2020**. Bagi ternakan lembu, populasi ternakan pada tahun 2020 adalah 33,802 ekor, iaitu menurun sebanyak 7,028 ekor (17.2%) berbanding populasi lembu pada tahun 2016 (40,830 ekor). Bagi kambing/bebiri, berlaku penurunan populasi sebanyak 36,454 ekor atau 59.1% pada tahun 2020 (25,206 ekor) berbanding populasi kambing/bebiri pada tahun 2016 (61,660 ekor). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**BANCIAN TERNAKAN DAN PENGELUARAN DAGING**  
**DI NEGERI SEMBILAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

PENGELUARAN SEBENAR	2016		2017		2018		2019		2020	
	LEMBU	KAMBING/ BEBIRI								
Agihan Ternakan Skim PINTAF (a) (Ekor)	30	404	99	268	0	106	37	288	64	132
Populasi Ternakan (b) (Ekor)	40,830	61,660	26,443	36,415	27,224	28,175	33,918	30,617	33,802	25,206
Agihan Ternakan Skim PINTAF Berbanding Populasi (a/b) (%)	0.1	0.7	0.4	0.7	0	0.4	0.1	0.9	0.2	0.5
Pencapaian Pengeluaran Daging (c) (Tan Metrik)	1,851.35	117.63	1,179.30	79.10	1,330.08	67.30	1,406.28	73.21	1,298.17	56.78
Permintaan Daging (d) (Tan Metrik)	3,854.37	924.22	3,929.06	943.74	4,003.82	962.69	4,080.70	982.51	4,159.06	1,002.74
Pencapaian Kadar SSL (e) (%)	48.0	12.7	30.0	8.4	33.2	7.0	34.5	7.5	31.2	5.7

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Negeri Sembilan

- iv. Analisis Audit terhadap data bancian ternakan dan pengeluaran daging seperti dalam **Jadual 8** mendapati industri penternakan ruminan di Negeri Sembilan berhadapan dengan isu pengurangan populasi ternakan. Keadaan ini menyebabkan **sasaran kadar SSL yang ditetapkan sebanyak 60% tidak dapat dicapai**. Pencapaian kadar SSL berbanding permintaan daging lembu berkurangan daripada 48% pada tahun 2016 kepada 31.2% pada tahun 2020. Kadar SSL daging kambing/bebiri juga menunjukkan penurunan dari 12.7% pada tahun 2016 kepada 5.7% pada tahun 2020.
- v. Seterusnya, pihak Audit mendapati **jumlah pengeluaran susu menunjukkan penurunan dari tahun 2016 hingga 2020, iaitu daripada 4,201.18 tan metrik (mt) kepada 2,345.72 mt. Sasaran kadar SSL yang ditetapkan bagi pengeluaran tenusu, iaitu 567 mt/tahun juga tidak dapat dicapai bagi setiap tahun.** Bilangan agihan ternakan yang rendah, iaitu antara 0.6% hingga 1.1% daripada populasi ternakan lembu tenusu merupakan antara faktor yang menyumbang kepada sasaran kadar SSL tidak tercapai. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**BANCIAN TERNAKAN DAN PENGETAHUAN SUSU**  
**DI NEGERI SEMBILAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

PENGELUARAN SEBENAR	TAHUN				
	2016	2017	2018	2019	2020
Agihan Ternakan Skim PINTAF (a) (Ekor)	32	34	21	20	30
Populasi Ternakan (b) (Ekor)	5,129	3,171	3,420	3,166	3,043
Agihan Ternakan Skim PINTAF Berbanding Populasi (a/b) (%)	0.62	1.07	0.61	0.63	0.99
Pencapaian Pengeluaran Susu (c) (Tan Metrik)	4,201.18	2,617.80	1,923.29	2,210.05	2,345.72
Permintaan Susu (d) (Tan Metrik)	1,959.75	1,997.12	2,035.20	2,074.00	2,113.55
Pencapaian Kadar SSL (c/d) (%)	214.37	131.08	94.50	106.56	110.99

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Negeri Sembilan

### Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020

Bancian ternakan dijalankan sepanjang tahun di setiap daerah dan laporan lengkap akan dikemukakan ke Unit Latihan Dan Penilaian JPVNS pada awal tahun berikutnya. Objektif utama program adalah untuk transformasi penternak ke semi komersial dan komersial dan dalam masa yang sama diharapkan dapat mempengaruhi sedikit peningkatan SSL keperluan daging di Negeri Sembilan.

Sebab itulah bilangan ternakan PINTAF yang kecil berbanding dengan jumlah populasi ternakan tidak menunjukkan peningkatan SSL yang ketara.

**Pendapat Audit** | **Sasaran keberhasilan skim PINTAF bagi tiga aspek yang dinilai, iaitu kadar SSL pengeluaran daging lembu, kadar SSL pengeluaran daging kambing dan kadar SSL pengeluaran susu lembu tidak tercapai.**

## 5.2. Pengurusan Program

### 5.2.1. Pencapaian Kewangan

- a. Bagi tujuan pelaksanaan Program PPT Ruminan, Kerajaan negeri melalui belanjawan RMKe-11 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM14 juta untuk dibelanjakan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020. Berdasarkan Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri Sembilan (PKN), Pegawai Pengawal hendaklah merancang dan memastikan perbelanjaan dibuat dengan cermat dan berhemat selaras dengan belanjawan yang diluluskan.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, JPVNS telah menerima peruntukan berjumlah RM13.13 juta (93.8%) daripada keseluruhan RM14 juta yang telah diperuntukkan. Jumlah peruntukan yang diterima telah dipinda kepada RM11.41 juta melibatkan pengurangan sejumlah RM1.72 juta (13.1%) pada tahun 2018 dan 2019. Sejumlah RM5.04 juta (44.2%) daripada peruntukan berjumlah RM11.41 juta telah diperuntukkan bagi perolehan ternakan iaitu lembu pedaging, lembu tenusu, kambing dan bebiri.
- c. Bagi tahun 2016 hingga 2020, JPVNS telah membelanjakan sejumlah RM3.79 juta (75.2%) daripada peruntukan berjumlah RM5.04 juta bagi perolehan 1,565 ekor baka dan induk ternakan. Tahun 2016 dan 2018 mencatatkan peratus perbelanjaan yang rendah, iaitu masing-masing hanya mencapai 54.3% dan 50% berbanding jumlah yang diperuntukkan. Peratusan yang rendah ini antaranya disebabkan kegagalan pihak pembekal untuk mematuhi spesifikasi pembekalan, akibat jangkitan FMD dan pembatalan perancangan perolehan oleh JPVNS. Bagi tahun 2017 dan 2019 pula, peruntukan yang dibelanjakan masing-masing mencapai 93% dan 97.5%. Pada tahun 2020, sejumlah RM0.76 juta (89.4%) telah dibelanjakan daripada RM0.85 juta yang diperuntukkan bagi perolehan ternakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10.**

**JADUAL 10**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEROLEHAN**  
**TERNAKAN SKIM PINTAF BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020**

TAHUN	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS BELANJA (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)
2016	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Lembu Pedaging	0.70	0.12	17.1	0.58
	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Lembu Tenusu	0.28	0.25	89.3	0.03
	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Kambing/Bebiri	0.53	0.45	84.9	0.08
<b>JUMLAH</b>		<b>1.51</b>	<b>0.82</b>	<b>54.3</b>	<b>0.69</b>
2017	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Lembu Pedaging	0.45	0.41	91.1	0.04
	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Lembu Tenusu	0.30	0.29	96.7	0.01
	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Kambing/Bebiri	0.39	0.36	92.3	0.03
<b>JUMLAH</b>		<b>1.14</b>	<b>1.06</b>	<b>93.0</b>	<b>0.08</b>
2018	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Lembu Pedaging	0.15	0.00	0.00	0.15
	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Lembu Tenusu	0.19	0.18	94.7	0.01
	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Kambing/Bebiri	0.40	0.19	47.5	0.21
<b>JUMLAH</b>		<b>0.74</b>	<b>0.37</b>	<b>50.0</b>	<b>0.37</b>
2019	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Lembu Pedaging	0.20	0.21	105.0	-0.01
	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Lembu Tenusu	0.20	0.19	95.0	0.01
	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Kambing/Bebiri	0.40	0.38	95.0	0.02
<b>JUMLAH</b>		<b>0.80</b>	<b>0.78</b>	<b>97.5</b>	<b>0.02</b>
2020	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Lembu Pedaging	0.36	0.30	83.3	0.06
	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Lembu Tenusu	0.30	0.28	93.3	0.02
	Peningkatan Pengeluaran Ternakan Kambing/Bebiri	0.19	0.18	94.7	0.01
<b>JUMLAH</b>		<b>0.85</b>	<b>0.76</b>	<b>89.4</b>	<b>0.09</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>5.04</b>	<b>3.79</b>	<b>75.2</b>	<b>1.25</b>

Sumber: Waran Peruntukan, Laporan Prestasi Kewangan dan Arahan Pembayaran JPVNS

### Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020

Pada tahun 2016, perolehan lembu pedaging kacukan Kedah Kelantan tidak dapat dibekalkan sepenuhnya kerana berlaku wabak FMD di kawasan bekalan yang menyebabkan baki ternakan sebanyak enam ekor jantan dan 35 ekor betina tidak dapat diedarkan. Pada tahun yang sama juga perolehan lembu pedaging kacukan Brahman tidak dapat diedarkan atas faktor yang sama. Jumlah ternakan tersebut adalah sebanyak empat ekor jantan dan 51 ekor betina. Baki peruntukan bagi perolehan lembu pedaging kacukan Kedah Kelantan, lembu pedaging kacukan Brahman dan juga bebiri kacukan tempatan telah dipindahkan ke dalam Akaun

Amanah Kumpulan Wang Bagi Kawalan Penyakit dan Rawatan Haiwan Serta Pembangunan Industri Ternakan Haiwan. Tujuannya adalah bagi menyelesaikan perolehan ternakan yang tertangguh akibat berlakunya wabak FMD pada tahun tersebut. Perolehan telah dilaksanakan secara rundingan terus setelah mendapat kelulusan PKN bertarikh 4 Januari 2017.

**Pendapat Audit** | **Peratusan perbelanjaan berbanding peruntukan adalah baik kecuali bagi tahun 2016 dan 2018 yang mencatat peratusan rendah, antaranya disebabkan masalah berkaitan pembekalan, jangkitan penyakit dan pembatalan perancangan perolehan oleh JPVNS.**

### **5.2.2. Pengurusan Aktiviti**

#### **a. Pemilihan Peserta Skim PINTAF**

- i. Garis Panduan Pemilihan Peserta Skim PINTAF yang dikeluarkan oleh JPVNS menggariskan tatacara pemilihan peserta melibatkan proses permohonan, penilaian dan pemilihan peserta. Permohonan dibuat secara manual mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, antaranya warganegara Malaysia, mempunyai kemudahan asas kandang dan pemohon atau ahli keluarga yang telah menerima bantuan dalam masa tiga tahun sebelumnya tidak layak dipertimbangkan kecuali dalam projek berasingan.
- ii. Berdasarkan Garis Panduan tersebut, borang yang telah dilengkapkan dikembalikan ke PPVD mengikut lokasi projek. Pegawai yang bertanggungjawab menguruskan program PINTAF di PPVD akan membuat lawatan ke setiap lokasi permohonan dan memberi penilaian mengikut kriteria yang dinyatakan dalam borang penilaian. Pemohon yang telah disenarai pendek akan dikemukakan kepada Bahagian Industri Ternakan JPVNS bagi tujuan kelulusan yang diputuskan melalui mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Peralatan dan Input Ternakan (JBPI).
- iii. Semakan Audit mendapati sebanyak 479 permohonan telah diterima bagi semua daerah di Negeri Sembilan. Sebanyak 375 permohonan telah diterima bagi empat daerah yang dipilih sebagai sampel Audit. Bilangan permohonan yang paling tinggi adalah dari daerah Kuala Pilah iaitu 165 permohonan (44%) dan paling rendah adalah daerah Jelebu iaitu 28 permohonan (7.5%) seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**PERMOHONAN BANTUAN DI BAWAH SKIM PINTAF BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019**

TAHUN	PERMOHONAN MENGIKUT DAERAH				JUMLAH
	SEREMBAN	KUALA PILAH	JELEBU	TAMPIN	
2016	7	45	15	23	90
2017	28	54	4	17	103
2018	31	35	5	25	96
2019	32	31	4	19	86
<b>JUMLAH</b>	<b>98</b>	<b>165</b>	<b>28</b>	<b>84</b>	<b>375</b>

Sumber: Maklumat Permohonan JPVNS

- iv. Daripada 375 permohonan tersebut, seramai 64 pemohon telah diluluskan permohonan bantuan ternakan. Analisis Audit mendapati daerah Seremban mencatatkan rekod penerima bantuan tertinggi, iaitu seramai 28 peserta diikuti Kuala Pilah seramai 15 peserta, Tampin seramai 12 peserta dan Jelebu seramai sembilan peserta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**PEMOHON YANG DILULUSKAN BANTUAN TERNAKAN**  
**DI BAWAH SKIM PINTAF BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019**

TAHUN	BILANGAN PEMOHON YANG DILULUSKAN BANTUAN				JUMLAH
	SEREMBAN	KUALA PILAH	JELEBU	TAMPIN	
2016	12	8	5	5	30
2017	12	5	3	7	27
2018	2	1	0	0	3
2019	2	1	1	0	4
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>	<b>15</b>	<b>9</b>	<b>12</b>	<b>64</b>

Sumber: Maklumat Penerima Bantuan Ternakan dan Arahan Pembayaran

- v. Selain itu, berdasarkan analisis sehingga tahun 2019, pihak Audit turut mendapati **ada antara dua hingga sembilan kes melibatkan kelemahan dalam pengurusan pemilihan peserta**. Antaranya ialah borang permohonan dan borang penilaian tiada dalam fail peserta; borang permohonan tidak lengkap; tiada ulasan Pegawai Penilai pada borang penilaian; populasi ternakan sedia ada peserta yang terpilih tidak mengikut Garis Panduan JPVNS; dan ada peserta yang memohon bantuan peralatan tetapi diluluskan bantuan ternakan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**PENGURUSAN PEMILIHAN PESERTA**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BILANGAN KES MENGIKUT TAHUN				JUMLAH
		2016	2017	2018	2019	
1.	Borang permohonan tiada dalam fail peserta	2	0	0	0	2
2.	Borang penilaian tiada dalam fail peserta	3	0	2	2	7
3.	Borang permohonan tidak lengkap	1	0	0	1	2
4.	Tiada ulasan Pegawai Penilai pada borang penilaian	1	4	0	0	5
5.	Populasi ternakan tidak mematuhi garis panduan pemilihan	6	3	0	0	9
6.	Peserta tidak mohon bantuan ternakan	3	2	0	1	6

Sumber: Fail Peserta Skim PINTAF

- vi. Lawatan Audit ke 26 sampel lokasi ternakan mendapati **tiga peserta diluluskan bantuan ternakan walaupun tidak memenuhi syarat pemilihan dan kriteria penilaian**. Antaranya ialah dari aspek kesesuaian kandang dan penerimaan bantuan dalam tempoh kurang tiga tahun bagi peserta yang sama atau mempunyai hubungan kekeluargaan. Pemilihan tersebut turut dibuat berdasarkan justifikasi yang dikemukakan oleh Pegawai Penilai dalam Borang Penilaian iaitu dari segi minat, sumber makanan dan potensi dalam bidang penternakan.
  
- vii. Pihak Audit mendapati ada peserta telah menerima bantuan ternakan bebiri pada tahun 2015 sebanyak 17 ekor dan masih dalam tempoh perjanjian. Pada tahun 2016, peserta tersebut juga diluluskan bantuan ternakan sebanyak 35 ekor. Permohonan peserta telah disokong dan diluluskan setelah dimaklumkan akan penambahbaikan kandang. Bagaimanapun, **lawatan fizikal Audit mendapati keadaan kandang uzur, tiada petak pengasingan bagi ternakan baka dan induk serta kandang turut menempatkan ternakan lain seperti ayam dan angsa**. Keadaan kandang yang dilawati adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

**GAMBAR 1**



Ladang Peserta, Rantau  
- Keadaan Kandang Uzur  
(16.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



Ladang Peserta, Rantau  
- Keadaan Kandang Uzur  
(16.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



Ladang Peserta, Rantau  
- Kandang Tiada Ruang Pengasingan dan Semua Ternakan Ditempatkan di Ruangan yang Sama  
(16.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



Ladang Peserta, Rantau  
- Kandang Turut Menempatkan Ayam dan Angsa  
(16.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

viii. Hasil pemerhatian pihak Audit semasa lawatan fizikal ke ladang ternakan peserta juga mendapati **ada peserta diberi bantuan ternakan lembu tenusu namun keadaan kandang tidak sempurna dan kurang sesuai bagi pembiakan dan penghasilan susu berkualiti.** Pihak Audit mendapati tiada palung makanan dan air disediakan untuk ternakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

**GAMBAR 5**



Ladang Peserta, Rantau  
- Kandang Tidak Sempurna dan Kurang Sesuai Bagi Proses Pembiakan dan Pemerahan Susu Berkualiti  
(16.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6**



## **Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020**

JBPIT memutuskan permohonan diluluskan bagi bantuan ternakan bebiri atas justifikasi peserta membuat penambahbaikan kandang bagi menampung tambahan jumlah ternakan. Bagaimanapun disebabkan isu penempatan ternakan, peserta terpaksa merobohkan kandang sedia ada dan membina kandang sementara di tapak baru. Hasil maklum balas terkini peserta, JPVNS mendapati berlaku peningkatan pendapatan peserta di mana beliau menjadi pembekal daging segar untuk tujuan aqiqah dan korban. Peserta juga kini mencebur i pada penghasilan produk hiliran iaitu perniagaan kambing/bebiri golek sebagai sumber pendapatan tambahan.

Kebanyakan peserta masih mengamalkan kaedah penternakan lembu tenusu secara tradisional bagi mengurangkan kos pengeluaran. Bagaimanapun, JPVNS sentiasa menawarkan konsultasi dan turut memberikan bantuan asas lain kepada peserta yang berdaya maju. Pihak JPVNS juga telah menyediakan penambahbaikan SOP Pemantauan Program Bantuan Ternakan Ruminan dan diselaraskan di semua daerah.

**Pendapat Audit** | **Terdapat peserta yang dipilih tidak mengikuti syarat dan kriteria yang ditetapkan. Penyaluran bantuan yang tidak tepat sama ada dari segi jenis bantuan, kuantiti, kekerapan, kesesuaian kemudahan dan lain-lain, berpotensi menyumbang kepada ketidakcapaian objektif program.**

### **b. Perjanjian Antara JPVNS dan Peserta**

- i. Akta Kontrak 1950 menyatakan suatu ikatan kontrak akan terbentuk apabila kesemua enam elemen iaitu tawaran (offer), penerimaan (acceptance), balasan (consideration), niat (intention), ketentuan (clarity) dan keupayaan (capacity) dipenuhi. Akta 120, Akta Kontrak Kerajaan 1949, Seksyen 3 pula memperuntukkan semua kontrak yang dibuat bagi Kerajaan Negeri hendaklah ditandatangani oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa dengan sewajarnya mengikut nilai tertentu di jabatannya.

- ii. Pekeliling Perbendaharaan (PP) PK4.2 menyatakan sesuatu perjanjian hendaklah disempurnakan dalam tempoh empat bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) ditandatangan balas oleh pihak yang ditawarkan.
- iii. Semakan Audit mendapati proses pra penyerahan ternakan tidak dimaklumkan secara bertulis atau melalui SST kepada peserta. JPVNS akan memaklumkan peserta yang berjaya secara lisan dan mengguna pakai Akuan Terimaan Ternakan yang ditandatangani semasa serahan dilaksanakan sebagai persetujuan penerimaan ternakan. Namun, Akuan Terimaan Ternakan tersebut tiada menyatakan secara ringkas syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh peserta sebelum perjanjian sebenar disempurnakan.
- iv. Pihak Audit telah menjalankan analisis terhadap dokumen perjanjian di empat daerah, iaitu Seremban, Kuala Pilah, Jelebu dan Tampin melibatkan seramai 64 orang peserta bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:
- Seramai **10 (15.6%) peserta termasuk yang melibatkan agihan semula telah menerima bantuan ternakan namun masih belum mempunyai dokumen perjanjian sehingga tarikh pengauditan dijalankan.** Satu dokumen perjanjian telah disempurnakan selepas teguran Audit. Kelewatan penyediaan perjanjian adalah antara 48 hingga 1,072 hari. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14.**

**JADUAL 14**  
**TIADA DOKUMEN PERJANJIAN ANTARA JPVNS DAN PESERTA SKIM PINTAF**

BIL.	DAERAH	TAHUN	BILANGAN PESERTA (Orang)	JUMLAH TERNAKAN DITERIMA (Ekor)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	CATATAN
1.	Seremban	2017	1	5	949	Agihan semula
2.	Kuala Pilah	2019	1	74	48	-
3.	Jelebu	2017	1	21	779	Tutup projek
4.			1	21	779	Tutup projek
5.	Tampin	2019	1	34	55	Perjanjian telah disempurnakan pada 28.08.2020
6.		2016	1	12	1,072	-
7.			1	12	1,072	-
8.			1	1	1,039	-
9.		2018	1	12	1,026	-
10.			1	3	561	Agihan semula dan tutup projek
<b>JUMLAH</b>			<b>10</b>	<b>195</b>		

Sumber: Fail Peserta Skim PINTAF

- Terdapat tujuh dokumen perjanjian tidak ditandatangani oleh Pengarah Perkhidmatan JPVNS bagi tujuh peserta di daerah Kuala Pilah yang menerima ternakan pada tahun 2016 (bulan Oktober dan Disember). JPVNS memaklumkan seramai lima daripada tujuh peserta tersebut telah menamatkan projek pada tahun 2017 (bulan Disember), tahun 2018 (bulan Januari, Februari dan Disember) dan tahun 2019 (bulan Mac). Bagaimanapun, **tuntutan pemulangan ternakan atau bayaran ganti rugi tidak dapat dilaksanakan terhadap lima peserta tersebut disebabkan perjanjian belum disempurnakan.**
- Pihak Audit mendapati dokumen perjanjian lewat disempurnakan (termasuk dikenakan duti setem) bagi enam peserta (9.4%) dari daerah Seremban, iaitu lima hari dari tarikh perjanjian sepatutnya disempurnakan. Seterusnya, perjanjian bagi 12 peserta (18.8%) dari daerah Kuala Pilah dan empat peserta (6.3%) dari daerah Jelebu masih belum dikenakan duti setem dari tarikh perjanjian sepatutnya disempurnakan sehingga pengauditan dijalankan, iaitu antara 650 hingga 1,058 hari. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**PERJANJIAN LEWAT DAN BELUM DIKENAKAN DUTI SETEM**

BIL.	DAERAH	PESERTA	TARIKH AKUAN TERIMA TERNAKAN	TEMPOH PERJANJIAN SEPATUT DISEMPURNAKAN	TARIKH SEBENAR PERJANJIAN DISEMPURNAKAN (TERMASUK DIKENAKAN DUTI SETEM)	TARIKH SEMAKAN AUDIT	JUMLAH KELEWATAN (Hari)
1.	Seremban	6	30.11.2016	30.03.2017	04.04.2017	24.12.2019	5
2.	Kuala Pilah	12	27.10.2016	27.02.2017	BDS	21.01.2020	1,058
			20.12.2016	20.04.2017	BDS	21.01.2020	1,006
			23.12.2016	23.04.2017	BDS	21.01.2020	1,003
			18.07.2017	18.11.2017	BDS	21.01.2020	795
			10.10.2017	10.02.2018	BDS	21.01.2020	710
			11.12.2017	11.04.2018	BDS	21.01.2020	650
3.	Jelebu	4	07.12.2016	07.04.2017	BDS	28.01.2020	1,026
<b>JUMLAH</b>		<b>22</b>					

Sumber: Fail Peserta

Nota: (BDS) - Belum Dikenakan Duti Setem sehingga tarikh pengauditan dijalankan

### Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020

Berdasarkan kepada Surat Perjanjian, tidak dinyatakan elemen SST kepada penerima. Pengesahan penerimaan ternakan hanya menggunakan Akuan Penerimaan Ternakan atau *Delivery Order* pembekal. Sebagai langkah

penambahbaikan, pihak JPVNS berusaha untuk mendapatkan pandangan dan ulasan pihak Penasihat Undang-Undang (PUU) berkaitan perjanjian, bayaran duti setem dan projek tutup.

**Pendapat Audit** | **Pengurusan perjanjian antara JPVNS dan peserta adalah tidak cekap. Ketiadaan dokumen perjanjian dan kelewatan menyempurnakan perjanjian boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan. Tuntutan pemulangan ternakan atau bayaran ganti rugi tidak dapat dilaksanakan terhadap peserta yang telah menamatkan atau menutup projek sebelum perjanjian disempurnakan.**

### c. Pengurusan Perolehan Ternakan

- i. PP PK2.1 menyatakan had nilai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja sehingga RM20,000 setahun dilaksanakan secara pembelian terus, nilai perolehan RM20,000 sehingga RM500,000 secara sebut harga dan perolehan melebihi RM500,000 dipelawa secara tender terbuka. PP PK7.15 pula menjelaskan perolehan secara rundingan terus dilaksanakan berasaskan kriteria keperluan menyegerakan perolehan, penyeragaman, bekalan atau perkhidmatan dari satu sumber, melibatkan keselamatan/strategik dan berikut wujudnya kontrak khusus dengan syarikat pembuat Bumiputera.
- ii. Bagi **tempoh tahun 2016 hingga 2019**, JPVNS telah melaksanakan 18 perolehan baka dan induk ternakan berjumlah 1,339 ekor. Perolehan ternakan tersebut terdiri daripada lembu pedaging (166 ekor), lembu tenusu (107 ekor), kambing (770 ekor) dan bebiri (296 ekor) berjumlah RM3.03 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 perolehan dilaksanakan secara sebut harga (77.8%) dan empat secara rundingan terus (22.2%) yang melibatkan 10 pembekal. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**PEROLEHAN TERNAKAN SKIM PINTAF BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019**

TAHUN	PERANCANGAN PEROLEHAN (Ekor)	TAWARAN SEBUT HARGA (Ekor) (a)	PEROLEHAN SEBENAR (Ekor) (b)	PERBEZAAN (Ekor) (a-b)	NILAI PEROLEHAN (RM)
2016	672	651	466	185	820,978
2017	401	401	401	0	1,065,930
2018	193	193	127	66	376,774
2019	345	345	345	0	771,250
<b>JUMLAH</b>	<b>1,611</b>	<b>1,590</b>	<b>1,339</b>	<b>251</b>	<b>3,034,932</b>

Sumber: Maklumat Perolehan JPVNS

- iii. Semakan lanjut Audit mendapati **walaupun tawaran sebut harga adalah untuk pembekalan 1,590 ekor tetapi ternakan sebenar yang dibekalkan ialah sebanyak 1,339 ekor.** Perbezaan sebanyak 251 ekor ini adalah disebabkan perkara seperti yang berikut:

- Pada tahun 2016, 60 ekor bebiri tidak dapat dibekalkan berikutan kegagalan pihak pembekal mematuhi spesifikasi pembekalan semasa proses penyediaan dan agihan ternakan di Ladang Kampong Lambar, Labu, Negeri Sembilan. Lembu pedaging turut kurang dibekalkan sebanyak 125 ekor disebabkan jangkitan FMD dari kawasan perolehan ternakan di Rembau.
- Pada tahun 2018, perolehan lembu pedaging sebanyak 66 ekor telah dibatalkan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan Pemilih Ternakan berikutan penemuan tanda klinikal jangkitan FMD semasa pemilihan di Pasir Mas, Kelantan.

**Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020**

Perolehan lembu pedaging tidak dapat dilaksanakan kerana wabak FMD. Selain itu, bagi perolehan bebiri, JPVNS telah menolak jumlah baki ternakan kerana tidak mematuhi spesifikasi bekalan seperti berikut:

- a. Umur ternakan yang terlalu muda dan terlalu tua;
- b. Berat ternakan kurang daripada berat minimum yang telah ditetapkan;
- c. Masalah ternakan yang kurus [skor badan kurang dari tiga (3)] ; dan
- d. Ternakan ada masalah kesihatan dan kecacatan seperti sakit mata, tempang dan tidak sempurna ambing susu (bagi induk).

JPVNS telah mengarahkan pembekal mengemukakan nota kredit bagi baki ternakan yang tidak dapat dibekalkan. Pembayaran hanya dibuat ke atas jumlah ternakan yang diterima dan memenuhi spesifikasi pembekalan.

#### d. Pengurusan Pembekalan dan Pembayaran Ternakan

- i. Surat Setuju Terima (SST) pembekalan menyatakan pembekalan ternakan hendaklah disempurnakan dalam tempoh lima bulan dari tarikh Pesanan Kerajaan (LO) dikeluarkan. Perenggan 12 Dokumen Perjanjian Bekalan pula menyatakan sekiranya ternakan lewat diserahkan oleh pembekal, kerajaan boleh mengambil tindakan seperti berikut:
  - menamatkan perjanjian;
  - membatalkan atau menolak ternakan yang dipesan dan membeli ternakan daripada punca-punca lain. Sekiranya kos perolehan tersebut lebih dari harga perjanjian, pembekal hendaklah membayar amaun lebihan tersebut; dan
  - setuju terima ternakan tersebut dan pembekal boleh dikenakan bayaran sebanyak satu amaun minimum daripada nilai ternakan yang dipesan sebagai pampasan kepada Kerajaan.
- ii. Pihak Audit mendapati tempoh pembekalan yang dinyatakan pada Pesanan Kerajaan (LO) telah melebihi satu bulan dari tempoh lima bulan yang ditetapkan. **LO dikeluarkan pada 6 Mei 2016 dan tarikh akhir pembekalan yang ditetapkan oleh JPVNS ialah pada 30 November 2016.** Namun, berdasarkan SST, tempoh pembekalan yang sepatutnya disempurnakan oleh pembekal ialah pada 31 Oktober 2016. Tempoh akhir pembekalan yang ditetapkan JPVNS dalam LO bertentangan dengan SST pembekalan, iaitu dalam tempoh lima bulan.
- iii. Semakan lanjut Audit terhadap Pesanan Penghantaran (Delivery Order) bagi dua Arahan Pembayaran (AP) bertarikh 23 Disember 2016 yang berjumlah RM282,938 mendapati **pembekal lewat menyerahkan bekalan ternakan berjumlah 250 ekor kepada peserta antara satu hingga 23 hari dari tarikh akhir pembekalan yang ditetapkan dalam LO.** Namun didapati **pihak JPVNS telah bersetuju**

**menerima ternakan dan tiada bayaran kelewatan dikenakan kepada pembekal.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17.**

**JADUAL 17**  
**KELEWATAN BEKALAN DARI TARikh PESANAN BEKALAN**

BIL.	NO. AP/ TARIKH	NO. LO/ TARIKH	AMAUN (RM)	TARIKH AKHIR BEKAL SST	TARIKH AKHIR BEKAL LO	TARIKH BEKAL SEBENAR	TEMPOH LEWAT (Hari)	JUMLAH TERNAKAN (Ekor)
1.	V0001204/ 23.12.2016	L160270000147/ 06.05.2016	147,860	31.10.2016	30.11.2016	01.12.2016	1	32
						07.12.2016	7	18
						19.12.2016	19	50
						20.12.2016	20	16
						23.12.2016	23	32
2.	V0001205/ 23.12.2016	L160270000146/ 06.05.2016	135,078	31.10.2016	30.11.2016	02.12.2016	2	2
						12.12.2016	12	15
						19.12.2016	19	26
						20.12.2016	20	48
						23.12.2016	23	11
<b>JUMLAH</b>			<b>282,938</b>					<b>250</b>

Sumber: Arahan Pembayaran dan Dokumen Perjanjian Bekalan JPVNS

### Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020

Pihak JPVNS telah menetapkan tempoh masa yang munasabah dan mencukupi bagi kerja-kerja penyediaan pemilihan dan pengagihan ternakan kepada peserta.

**Pendapat Audit** | Perolehan ternakan telah dilaksanakan dengan memuaskan dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, kawalan dalaman yang kurang jelas menyebabkan kelewatan pembekalan dan pembekal tidak dikenakan bayaran kelewatan.

### e. Pengurusan Pendaftaran Ternakan

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTV) menyatakan tanda pengenalan kekal haiwan ternakan adalah salah satu cara pengenalan ternakan yang kekal dan penting dalam pengesahan hak milik, kawalan penyakit serta daya jejak. JPVNS menggunakan teknik kacip pada telinga (ear notching), iaitu teknik pengenalan haiwan yang dibuat pada telinga haiwan dengan mengacip bahagian tertentu pada cuping telinga. Dokumen pembekalan pula menyatakan

ternakan yang dipilih hendaklah ditanda kenal dengan menggunakan tag telinga plastik yang bernombor kekal. Selain itu, maklumat peserta, tarikh agihan, tarikh kematian, tarikh kelahiran anak ternakan dan cara penyelesaian perjanjian hendaklah direkodkan dalam Buku Pendaftaran Pejabat. Semakan dan lawatan Audit di empat daerah mendapati perkara seperti berikut:

### i. Buku Pendaftaran Pejabat Tidak Kemas Kini

- Surat Perjanjian Pawah Lembu Betina dan Pawah Kambing atau Bebiri Kerajaan menyatakan jika ternakan yang dipawahkan itu melahirkan anak, kelahiran itu hendaklah dilaporkan kepada pihak Kerajaan tidak lewat daripada satu bulan selepas kelahiran untuk direkodkan ke dalam Buku Pendaftaran Pejabat.
- Semakan Audit terhadap Buku Pendaftaran Pejabat di empat daerah iaitu Seremban, Kuala Pilah, Jelebu dan Tampin bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Januari 2020 mendapati pihak JPVNS/PPVD tidak merekodkan dan mengemas kini maklumat kelahiran dan kematian ternakan bagi peserta yang masih dalam tempoh perjanjian. Maklumat kelahiran ternakan sebanyak 340 ekor dan kematian sebanyak 313 ekor seperti dilaporkan dalam perenggan Pencapaian Output – Peningkatan Populasi Ternakan Ruminan diperoleh daripada maklum balas yang dikemukakan oleh peserta. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya rekod kematian ternakan dikemas kini untuk peserta yang telah tamat perjanjian.

### Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020

Pemantauan Skim PINTAF oleh Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) adalah berdasarkan maklum balas atau aduan peserta berkenaan status kesihatan, kelahiran dan kematian. Semua maklumat tersebut direkodkan dalam fail individu dan laporan bulanan Skim PINTAF perlu dihantar ke Unit Ruminan, JPVNS. JPVNS menyedari terdapat kekangan kakitangan dalam melaksanakan kerja-kerja pemantauan di samping kompleksiti tugas harian dengan purata nisbah satu pegawai pemantau : 127 orang peserta Skim PINTAF sejak dari tahun 2008 hingga 2019. Selain itu, isu logistik yang terhad juga turut menyumbang kepada kekangan dalam tugas pemantauan. Pihak JPVNS telah menyediakan penambahbaikan SOP Pemantauan Program Bantuan Ternakan Ruminan dan diselaraskan di semua

daerah supaya aktiviti pemantauan yang lebih berkesan dapat dilaksanakan pada kadar segera.

**Pendapat Audit** | **Pada pendapat Audit, perekodan maklumat kelahiran dan kematian ternakan yang tidak dikemas kini menyukarkan pihak JPVNS mengenal pasti ternakan di bawah Skim PINTAF. Keadaan ini seterusnya akan memberi kesan kepada pemantauan proses pemulangan semula ternakan kepada Kerajaan.**

## ii. Kelemahan Pada Tanda Pengenalan Ternakan

- Lawatan Audit ke lokasi ladang ternakan di daerah Seremban, Kuala Pilah, Jelebu dan Tampin mendapati ternakan telah diberi tanda pengenalan menggunakan tag telinga plastik. Semakan lanjut Audit terhadap Akuan Terimaan Ternakan mendapati sebanyak 437 (80%) daripada 546 ekor ternakan tidak dapat disahkan tanda pengenalannya. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18** dan **Gambar 7** hingga **Gambar 12**.

**JADUAL 18**  
**JUMLAH NOMBOR PENDAFTARAN TERNAKAN YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN**

DAERAH	BILANGAN TERNAKAN DITERIMA (Ekor)	BILANGAN TERNAKAN YANG DAPAT DISAHKAN (Ekor)	PERBEZAAN (Ekor)
Kuala Pilah	297	36	261
Jelebu	109	27	82
Seremban	103	39	64
Tampin	37	7	30
<b>JUMLAH</b>	<b>546</b>	<b>109</b>	<b>437</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Negeri Sembilan

**GAMBAR 7**




Ladang Transit KoMARDI  
- Teknik Kacip Pada Telinga (Ear Notching)  
(06.11.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 8**



Ladang Transit KoMARDI  
- Teknik Kacip Pada Telinga (Ear Notching)  
(06.11.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 9**

Padang Ragut Juasgeh Seberang, Kuala Pilah  
- Contoh Nombor Tag Ternakan  
(21.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 10**

Jalan Paroi-Senawang, Seremban  
- Contoh Nombor Tag Ternakan  
(16.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


**GAMBAR 11**

Felda Pasoh, Simpang Pertang, Jelebu  
- Tag yang Dipasang Tertanggal  
(Terima Ternakan Pada 5 Ogos 2019)  
(29.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 12**

Kg. Lubuk Gitan, Kuala Jemapoh, Kuala Pilah  
- Tag yang Dipasang Tertanggal  
(Terima Ternakan Pada 5 Ogos 2019)  
(21.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Berdasarkan temu bual pihak Audit dengan peserta mendapati nombor tag yang dipasang pada telinga ternakan mempunyai kelemahan seperti mudah tercabut, terkoyak dan nombor tag sukar dibaca seperti dalam **Gambar 13** dan **Gambar 14**. Nombor tag yang dipasang boleh menyebabkan telinga ternakan terkoyak dan menimbulkan penyakit seperti luka dan bernanah jika tag yang dipasang terkena pada urat telinga ternakan tersebut.

**GAMBAR 13**

Kg. Pulai, Kuala Sawah, Rantau  
- Nombor Tag Terkoyak  
(Terima Ternakan Pada 27 September 2017)  
(16.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 14**

Kg. Pulai, Kuala Sawah, Rantau  
- Nombor Tag Sukar Dibaca/Kabur  
(Terima Ternakan Pada 27 September 2017)  
(16.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada ternakan tersebut adalah di bawah Skim PINTAF disebabkan ketiadaan nombor tag di telinga ternakan. Ketiadaan nombor tag menyukarkan proses pemantauan di pihak JPVNS serta memberi kesan kepada ketepatan maklumat kelahiran dan kematian ternakan.

### **Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020**

JPVNS mengakui memang terdapat kelemahan dalam penggunaan tag telinga di lapangan. Di antaranya adalah nombor tag kabur, tag tertanggal, nombor tag tidak sempurna, kaedah pemasangan yang salah menyebabkan tag mudah tertanggal dan telinga ternakan cedera serta alat pengimbas *Radio Frequency Identification* (RFID) yang tidak *compatible*. Bagaimanapun, tanda pengenalan ini adalah kaedah yang sering diperaktikkan oleh penternak maupun pembekal kerana kos yang rendah dan mudah dipasang. JPVNS juga akan membuat penambahaikan iaitu menggantikan tag yang bermasalah dan diseragamkan dengan rekod jabatan.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Pada pendapat Audit, terdapat kelemahan pada tanda pengenalan yang mudah tercabut, terkoyak dan sukar dibaca menyukarkan proses pemantauan terhadap ternakan Skim PINTAF.</b>
-----------------------	--

#### **f. Penyerahan Baka Ternakan**

JPVNS menggunakan Garis Panduan Syarat Pemindahan Ternakan dan Produk dan APTVM 22(d):1/2011 – Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan Dalam Negeri yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia untuk menguruskan Skim PINTAF.

##### **i. Perbezaan Rekod Akuan Terimaan Ternakan dan Laporan Pemeriksaan Kesihatan**

- Syarat Pemindahan Ternakan dan Produk menyatakan bahawa semua baka ternakan diwajibkan mempunyai tanda pengenalan dan menjalani pemeriksaan klinikal serta tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit pada hari pemindahan. Tanda pengenalan ternakan yang dipindahkan mestilah sama seperti laporan makmal dan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV).

- Selain itu, APTVM 22(d):1/2011 menyatakan PPVD lokasi destinasi bertanggungjawab mengesahkan penerimaan haiwan, hasil dan produk haiwan di lapangan.
- Pengesahan penerimaan ternakan di lapangan dibuat melalui Akuan Terimaan Ternakan yang ditandatangani oleh Pegawai PPVD dan peserta.
- Hasil semakan silang pihak Audit terhadap Laporan Kesihatan dan Akuan Terimaan Ternakan mendapati sebanyak **734 ternakan (54.8%) daripada 1,339 ternakan yang diagihkan kepada 93 peserta yang disenaraikan dalam Akuan Terimaan Ternakan tiada dalam Laporan Pemeriksaan Kesihatan yang telah disahkan oleh Pegawai Veterinar.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19.**

**JADUAL 19**  
**BILANGAN TERNAKAN YANG TIADA DALAM LAPORAN KESIHATAN**

TAHUN	BIL. PESERTA (Orang)	BIL. TERNAKAN DITERIMA (Ekor)	BIL. TERNAKAN TIADA DALAM LAPORAN KESIHATAN (Ekor)
2016	34	466	455
2017	47	401	136
2018	3	127	86
2019	9	345	57
<b>JUMLAH</b>	<b>93</b>	<b>1,339</b>	<b>734</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Negeri Sembilan

- Pihak Audit mendapati nombor pengenalan lembu tenusu yang disenaraikan dalam Laporan Kesihatan berbeza dengan nombor pengenalan ternakan yang dicatatkan dalam Akuan Penerimaan Ternakan. Ini melibatkan 55 ekor (4.1%) ternakan daripada 1,339 ekor ternakan yang diagihkan pada tahun 2016 hingga 2019.
- Selain itu sehingga maklum balas yang dikemukakan pada 30 Oktober 2020, JPVNS tidak mengemukakan Laporan Kesihatan kepada pihak Audit bagi 366 (78.5%) daripada 466 ternakan yang telah diagih pada tahun 2016. Oleh itu, ternakan yang diterima penternak tidak dapat disahkan sama ada telah menjalani pemeriksaan kesihatan.
- Bagi perbezaan nombor tag pengenalan ternakan dalam Laporan Kesihatan dan Akuan Penerimaan, perkara ini terjadi disebabkan

ternakan telah ditanda dengan tag bernombor yang baru setelah tag tertanggal, tercabut atau tidak dapat dibaca oleh alat pengimbas RFID.

### **Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020**

JPVNS mengakui memang terdapat kelemahan dalam penggunaan tag telinga di lapangan. Antaranya adalah nombor tag kabur, tertanggal, nombor tag tidak sempurna, kaedah pemasangan yang salah menyebabkan tag mudah tertanggal dan telinga ternakan cedera serta alat pengimbas RFID yang tidak *compatible*. JPVNS masih menghadapi masalah bagi mengenal pasti identiti ternakan yang asal walaupun tag telah diganti.

Ternakan dipilih dan diperiksa oleh pegawai berpandukan laporan kesihatan. Selepas pemilihan dibuat, ternakan tersebut telah ditandakan dengan *marker* khas seterusnya diasingkan dan tidak bercampur dengan ternakan yang lain.

#### **ii. Kelewatan Penyerahan Ternakan**

- Syarat Pemindahan Ternakan dan Produk menyatakan laporan makmal hanya sah bagi tempoh 30 hari. Ini bagi memastikan ternakan yang akan diserahkan kepada penternak dalam keadaan yang sihat.
- Semakan lanjut Audit mendapati daripada keseluruhan 1,339 baka dan induk ternakan yang diserahkan kepada peserta, sebanyak 249 ekor (18.6%) telah diserahkan melebihi tempoh sah laku 30 hari selepas ujian, iaitu selepas tamat tempoh laporan kesihatan antara 12 hingga 196 hari. Perkara ini disebabkan tempoh proses pemeriksaan dan pemilihan, pemvaksinan dan pengagihan mengambil masa minimum 45 hari. Kelewatan ini menyebabkan tahap kesihatan ternakan tidak dapat disahkan berada dalam keadaan yang baik semasa penyerahan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

**JADUAL 20**  
**TEMPOH KELEWATAN PENYERAHAN BAKA TERNAKAN**

TAHUN	JENIS TERNAKAN	BILANGAN PESERTA	BILANGAN TERNAKAN (Ekor)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
2016	Lembu Pedaging		Tidak dikemukakan	
	Lembu Tenusu		Tidak dikemukakan	
	Kambing	1	11	196
	Bebiri		Tidak dikemukakan	

TAHUN	JENIS TERNAKAN	BILANGAN PESERTA	BILANGAN TERNAKAN (Ekor)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
2017	Lembu Pedaging	9	42	13 - 42
	Lembu Tenusu		Tidak dapat disahkan	
	Kambing	3	32	31 - 61
	Bebiri	-	-	-
2018	Lembu Pedaging		Tiada perolehan	
	Lembu Tenusu		Tidak dapat disahkan	
	Kambing	1	27	19 - 22
	Bebiri	-	-	-
2019	Lembu Pedaging	-	-	-
	Lembu Tenusu	2	13	97
	Kambing	2	31	18
	Bebiri	6	93	12 - 33
<b>JUMLAH</b>		<b>24</b>	<b>249</b>	

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Negeri Sembilan

- Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada 366 daripada 466 ekor ternakan yang diagihkan pada tahun 2016 telah diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan. Hal ini kerana JPVNS tidak dapat mengemukakan dokumen berkaitan laporan pemeriksaan kesihatan ternakan tersebut kepada pihak Audit.

### Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020

Tempoh 30 hari merujuk kepada tempoh sah sesuatu keputusan makmal bagi tujuan pemindahan ternakan. Daripada tempoh pemilihan sehingga agihan ternakan oleh pembekal masa yang diambil adalah minimum 45 hari melibatkan pemeriksaan dan pemilihan ternakan (14 hari), pemvaksinan ternakan (21-30 hari) dan pengagihan ternakan (7 hari).

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Pengurusan penyerahan adalah kurang cekap kerana nombor pengenalan ternakan tidak dapat dikenal pasti dan perubahan tanda pengenalan tidak direkodkan dalam Akuan Terimaan Ternakan menyebabkan tahap kesihatan ternakan tidak dapat disahkan.</b>
-----------------------	---

### **g. Pemulangan Semula Ternakan**

- i. Mengikut syarat perjanjian, peserta perlu memulangkan semula seekor anak daripada setiap ekor ternakan yang dipawahkan bagi pinjaman ternakan lembu, kambing atau bebiri betina. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019, **pemulangan ternakan oleh peserta adalah sebanyak 98 ekor, iaitu hanya 8.1% daripada 1,213 ekor induk ternakan yang telah diagihkan. Hanya seramai 14 (15.1%) daripada 93 peserta telah membuat pemulangan ternakan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 21.**

**JADUAL 21**  
**REKOD AGIHAN DAN PEMULANGAN ANAK TERNAKAN**  
**DI BAWAH SKIM PINTAF SELURUH NEGERI SEMBILAN**

TAHUN	PESERTA			TERNAKAN		
	BIL. PESERTA (Orang)	BIL. PESERTA PULANG TERNAKAN (Orang)	PEMULANGAN TERNAKAN MENGIKUT PESERTA (%)	BIL. INDUK TERNAKAN YANG DIAGIHKAN (Ekor)	BIL. TERNAKAN DIPULANGKAN (Ekor)	PEMULANGAN TERNAKAN (%)
2016	34	5	14.7	432	35	8.1
2017	47	7	14.9	360	0	0.0
2018	3	2	66.7	119	63	52.9
2019	9	0	0.0	302	0	0.0
<b>JUMLAH</b>	<b>93</b>	<b>14</b>	<b>15.1</b>	<b>1,213</b>	<b>98</b>	<b>8.1</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Negeri Sembilan yang dikemas kini sehingga 12 Oktober 2020

- ii. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan sebarang bentuk penyiasatan atau penguatkuasaan dilaksanakan oleh pihak JPVNS/PPVD bagi memastikan peserta yang terlibat memulangkan ternakan seperti yang telah dipersetujui dalam perjanjian. Tiada bukti menunjukkan sebarang notis atau surat peringatan dikeluarkan kepada peserta yang masih belum membuat pemulangan ternakan selepas tempoh tiga tahun.

### **Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020**

Bagi Skim PINTAF 2016, JPVNS menyelaraskan pengeluaran notis peringatan pemulangan ternakan kepada penerima. Bagi tahun 2017 hingga 2019, notis peringatan tidak perlu dikeluarkan kerana belum melangkaui tempoh matang pemulangan ternakan seperti yang termaktub dalam perjanjian.

**Pendapat Audit** | **Prestasi pemulangan ternakan adalah sangat rendah berbanding ternakan yang telah diagihkan kepada peserta. Kegagalan untuk mendapatkan balik ternakan mengikut perjanjian akan menjelaskan kelangsungan program dalam jangka panjang. Sekiranya peratus pemulangan ternakan tinggi, maka ia akan dapat diserahkan kepada peserta baharu yang layak untuk dipawah semula.**

#### **h. Laporan Kematian dan Kehilangan Ternakan**

- i. Menurut perjanjian program, jika baka ternakan yang dipawahkan itu mati disebabkan oleh kelalaian atau kecuaian pihak peserta, maka peserta bertanggungjawab atas kematian ternakan tersebut dan dikehendaki membayar balik kepada Kerajaan dengan kadar harga yang telah ditetapkan oleh pihak JPVNS. Peserta perlu membuat laporan polis jika ternakan mati dalam tempoh perjanjian dan mengemukakan salinan laporan tersebut pada pihak JPVNS.
- ii. Berdasarkan maklumat daripada peserta, sebanyak 306 kematian berlaku bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019. Didapati siasatan tidak dapat dijalankan terhadap aduan kematian ternakan oleh peserta dengan serta-merta disebabkan kekangan pegawai. Peserta hanya membuat laporan polis mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak JPVNS. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**JENIS DAN JUMLAH TERNAKAN YANG MATI DARI TAHUN 2016 HINGGA 2019**

TAHUN	JUMLAH TERNAKAN MATI (Ekor)	LAPORAN POLIS		LAPORAN FORENSIK	
		ADA	TIADA	ADA	TIADA
2016	138	62	76	-	138
2017	154	46	108	-	154
2018	4	4	-	-	4
2019	10	10	-	3	7
<b>JUMLAH</b>	<b>306</b>	<b>122</b>	<b>184</b>	<b>3</b>	<b>303</b>

Sumber: Maklumat Maklum balas Peserta Skim PINTAF JPVNS

## **Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020**

JPVNS menyedari terdapat kekangan kakitangan dalam melaksanakan kerja-kerja pemantauan di samping kompleksiti tugasannya harian dengan purata nisbah satu pegawai pemantau : 127 orang peserta Skim PINTAF sejak dari tahun 2008 hingga 2019. Selain daripada itu, isu logistik yang terhad juga turut menyumbang kepada kekangan dalam tugasnya pemantauan. Bagi kes kematian, laporan polis menjadi bukti kepada pihak JPVNS bagi mengesahkan kematian tersebut. Bagaimanapun, JPVNS berusaha merujuk perkara ini kepada pihak PUU untuk mendapatkan pandangan dan nasihat tentang tindakan selanjutnya berdasarkan perjanjian.

- iii. Berdasarkan rekod JPVNS/PPVD, terdapat laporan kehilangan ternakan oleh peserta di daerah Kuala Pilah dan Jelebu. Pada tahun 2016, kehilangan ternakan di daerah Jelebu adalah sebanyak tujuh ekor manakala di daerah Kuala Pilah sebanyak 16 ekor. Pada tahun 2017, enam ekor ternakan dilaporkan hilang di daerah Kuala Pilah.
- iv. Semakan Audit mendapati tiada bukti tindakan susulan dibuat terhadap laporan kehilangan ternakan tersebut. Semakan Audit seterusnya mendapati empat daripada tujuh peserta yang melaporkan kehilangan ternakan telah menamatkan projek tanpa menyelesaikan proses pemulangan ternakan bagi ternakan yang masih ada.

## **Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020**

Perkara ini berlaku di luar pengetahuan pihak JPVNS. Bagi kes kehilangan, laporan polis menjadi bukti kepada pihak JPVNS bagi mengesahkan kehilangan tersebut.

- v. Surat Perjanjian Skim PINTAF menyatakan peserta tidak boleh menjual, meminjam atau memawahkan kepada orang lain atau membuat apa-apa dengannya melainkan dengan kebenaran secara bertulis daripada pihak Kerajaan. Perjanjian boleh dimansuhkan atau ditamatkan oleh peserta dengan mengemukakan notis dua bulan awal sebelum pemulangan ternakan kepada JPVNS.
- vi. Semakan Audit mendapati **15 peserta dengan kuantiti ternakan sebanyak 207 ekor berjumlah RM242,939 telah menamatkan**

**program tanpa memaklumkan terlebih dahulu kepada JPVNS atau PPVD.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 23.**


**JADUAL 23**  
**BILANGAN DAN KOS PEROLEHAN TERNAKAN**  
**BAGI PESERTA YANG MENAMATKAN PROGRAM**

DAERAH	BILANGAN PESERTA	JENIS TERNAKAN	TERNAKAN YANG DITERIMA (Ekor)		HARGA TERNAKAN SEMASA PEROLEHAN (RM)		KOS PEROLEHAN (RM)
			JANTAN	BETINA	JANTAN	BETINA	
<b>Tahun 2016</b>							
Seremban	3	Bebiri Kacukan Tempatan	3	33	1,128	846	31,302
Kuala Pilah	3	Bebiri Kacukan Tempatan	3	33	1,128	846	31,302
	2	Kambing Kacukan Tempatan	2	30	1,610	950	31,720
Jelebu	1	Kambing Kacukan Tempatan	1	15	1,610	950	15,860
Port Dickson	1	Kambing Kacukan Tempatan	1	15	1,610	950	15,860
<b>Tahun 2017</b>							
Jelebu	2	Kambing Kacukan Boer	2	40	1,340	1,140	48,280
Kuala Pilah	1	Lembu Kacukan Brahman	0	5	0	3,630	18,150
	1	Kambing Kacukan Boer	1	20	1,340	1,140	24,140
Tampin	1	Lembu Tenusu	1	2	8,775	8,775	26,325
<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>		<b>14</b>	<b>193</b>			<b>242,939</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan


vii. Pihak Audit telah menjalankan lawatan fizikal ke lokasi ternakan bagi empat orang peserta yang tidak meneruskan projek, dan mendapati lokasi ternakan tersebut telah dikosongkan dan terbiar seperti dalam **Gambar 15** hingga **Gambar 22.**

**GAMBAR 15**



Padang Ragut Kampung Jerjak, Kuala Pilah  
- Lokasi Kosong dan Terbiar  
(Terima Ternakan Pada 20 Disember 2016)  
(21.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 16**



Padang Ragut Kampung Jerjak, Kuala Pilah  
- Lokasi Kosong dan Terbiar  
(Terima Ternakan Pada 20 Disember 2016)  
(21.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 17**

Projek Ternakan Kambing, Unit Peladang Ampang  
Serong, PPK Tg. Ipoh, Kuala Pilah  
- Lokasi Kosong dan Terbiar  
(Terima Ternakan Pada 20 Disember 2016)  
(21.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 18**

Projek Ternakan Kambing, Unit Peladang Ampang  
Serong, PPK Tg. Ipoh, Kuala Pilah  
- Lokasi Kosong dan Terbiar  
(Terima Ternakan Pada 20 Disember 2016)  
(21.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 19**

Taman Desa Permai, Selaru, Kuala Pilah  
- Lokasi Kosong dan Terbiar  
(Terima Ternakan Pada 18 Julai 2017)  
(21.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 20**

Taman Desa Permai, Selaru, Kuala Pilah  
- Lokasi Kosong dan Terbiar  
(Terima Ternakan Pada 18 Julai 2017)  
(21.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 21**

Ladang Satelit Nasional,  
Kg. Ulu Ladang Londah, Gemas  
- Lokasi Kosong dan Terbiar  
(Terima Ternakan Pada 27 September 2017)  
(06.02.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 22**

Ladang Satelit Nasional,  
Kg. Ulu Ladang Londah, Gemas  
- Lokasi Kosong dan Terbiar  
(Terima Ternakan Pada 27 September 2017)  
(06.02.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020

PPVD telah mengeluarkan surat tuntutan pemulangan kepada pihak yang terlibat. Pihak JPVNS juga berusaha merujuk perkara ini kepada pihak PUU untuk mendapatkan pandangan dan nasihat tentang tindakan selanjutnya berdasarkan perjanjian.

**Pendapat Audit** | **Pemantauan dan pelaporan yang tidak dilaksanakan mengikut ketetapan telah menjelaskan keberkesanan program.**

### 5.2.3. Pemantauan

Merujuk kepada dokumen myPortfolio JPVNS, Bahagian Industri Ternakan bertanggungjawab untuk menyusun, menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti bagi setiap komponen program di bawah Pembangunan Industri Ternakan. Antaranya ialah mengadakan mesyuarat, menyediakan laporan berkaitan prestasi dan pencapaian program serta merangka Program Lawatan Terancang dan Berjadual (LTJ). Semakan Audit terhadap aspek pemantauan mendapati perkara seperti berikut:

#### a. Pemantauan Program Secara Berkala

- i. JPVNS didapati telah mewujudkan Jawatankuasa Bantuan Peralatan dan Input Ternakan (JBPI) yang bermesyuarat antara dua hingga empat kali setahun. Tujuan jawatankuasa ini diwujudkan adalah sebagai medium untuk meluluskan permohonan berkaitan input ternakan dan lain-lain inisiatif daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Semakan minit mesyuarat JBPI dari tahun 2016 hingga 2020 menunjukkan JBPI telah bersidang sebanyak 15 kali berserta satu mesyuarat Perbincangan Perolehan Skim *Double Up* Bagi Tahun 2021 pada 24 Disember 2020. Mesyuarat membincangkan perkara berkaitan bantuan Industri Asas Ternakan (IATn), Transformasi Ekonomi Desa, peralatan berkaitan dengan komoditi ternakan, *homeplot* dan lain-lain input ternakan. Butiran kekerapan mesyuarat adalah seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24  
KEKERAPAN MESYUARAT JBPI**

TAHUN	KEKERAPAN MESYUARAT
2016	3
2017	3
2018	2
2019	3
2020	4
<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan

- ii. Pihak Audit juga mendapati JPVNS telah menubuhkan Jawatankuasa Perancang dan Penilaian Jabatan (JPPJ) bagi membincangkan pencapaian dan permasalahan sepanjang pelaksanaan Skim PINTAF.

### **Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 30 Oktober 2020**

Mesyuarat JBPIT membincangkan permohonan bantuan dan hal-hal berkaitan. Manakala perbincangan kemajuan Skim PINTAF dibincangkan dalam Mesyuarat JPPJ.

#### **b. Program Lawatan Terancang dan Berjadual (LTJ)**

- i. Garis Panduan Pemantauan Skim PINTAF yang disediakan oleh JPVNS menyatakan pemantauan perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dengan menggunakan Format LTJ. Laporan pemantauan juga perlu dihantar dua kali setahun ke Bahagian Industri Ternakan.
- ii. Semakan Audit mendapati **JPVNS tidak merangka Program LTJ secara khusus untuk peserta yang terlibat dengan Skim PINTAF**. Berdasarkan temu bual bersama Pembantu Veterinar, pihak Audit dimaklumkan LTJ hanya dijalankan di ladang-ladang ternakan terpilih yang berdaya maju untuk dikembangkan.

### **Maklum Balas JPVNS yang Diterima pada 22 Oktober 2020**

Pemantauan Skim PINTAF oleh Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) berdasarkan maklum balas atau aduan peserta berkenaan status kesihatan, kelahiran dan kematian. Semua maklumat tersebut direkodkan dalam fail individu dan laporan bulanan Skim PINTAF perlu dihantar ke Unit Ruminan, JPVNS. Program LTJ adalah salah satu kaedah pemantauan di dalam Program Pengembangan Veterinar (PPV). PPV ini merupakan program bimbingan penternak oleh pegawai di mana pemantauan dibuat adalah untuk mengenal pasti masalah dan meningkatkan prestasi projek. Tidak semua peserta Skim PINTAF terlibat di bawah program PPV ini. Pihak JPVNS telah menyediakan penambahbaikan SOP Pemantauan Program Bantuan Ternakan Ruminan dan diselaraskan di semua daerah supaya aktiviti pemantauan yang lebih berkesan dapat dilaksanakan pada kadar segera.

**Pendapat Audit** | **Pemantauan berkala serta lawatan terancang dan berjadual yang tidak dilaksanakan mengikut ketetapan telah menjejaskan keberkesanan program.**

## 6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa pengurusan Skim PINTAF masih tidak dapat mencapai sasaran output dan keberhasilan yang ditetapkan oleh JPVNS. Daripada aspek pengurusan pula, pelaksanaannya adalah kurang cekap kerana berlaku kelemahan seperti pemilihan peserta yang tidak teratur, kelewatan penyediaan dan penyerahan perjanjian, pengurusan pembekalan yang kurang cekap, pendaftaran ternakan yang lemah, kelewatan penyerahan ternakan dan pemantauan yang tidak menyeluruh.

## 7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif program dapat dicapai, adalah disyorkan JPVNS mengambil tindakan seperti berikut:

- 7.1. memberi tumpuan kepada keberhasilan program dengan menjalankan penilaian bagi mengukur keberkesanan pencapaian program secara keseluruhannya supaya tindakan penambahaikan yang bersesuaian dapat diambil sewajarnya;
- 7.2. menambah baik garis panduan sedia ada agar lebih jelas berkaitan pengurusan Skim PINTAF dari aspek penyerahan baka, bayaran balik ternakan, denda dan siasatan kematian atau kehilangan ternakan;
- 7.3. memastikan rekod berkaitan Skim PINTAF meliputi maklumat peserta dan ternakan di selenggara dengan lengkap dan kemas kini; dan
- 7.4. meningkatkan penyeliaan dan pemantauan secara berterusan dan lebih terperinci terhadap pelaksanaan program dan pengurusan kewangan selaras dengan peraturan yang ditetapkan.





## **UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI LEMBAGA PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN**

### **2. PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN**



## UNIT PERANCANG EKONOMI LEMBAGA PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN

### PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN

---

#### Perkara Utama

##### Apa yang diaudit?

- Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) merupakan dua agensi yang terlibat dalam mengerakkan industri pelancongan di Negeri Sembilan. UPEN diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan manakala LPNS diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program promosi serta acara pelancongan.
- Terdapat 98 produk pelancongan di tujuh daerah di Negeri Sembilan iaitu Seremban, Port Dickson, Jempol, Jelebu, Kuala Pilah, Tampin dan Rembau yang meliputi pelancongan agro, sukan dan rekreasi serta warisan dan budaya. Antara contoh produk pelancongan di Negeri Sembilan adalah Taman Eko- Rimba Ulu Bendul, Tampin *Extreme Park* dan Hutan Simpan Sg. Menyala, Port Dickson.
- Dua aktiviti utama berkaitan pembangunan pelancongan Negeri Sembilan telah diaudit, iaitu Projek Pembangunan dan Penyenggaraan Produk Pelancongan serta Program Promosi dan Acara. Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit, iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan dua perkara, iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan (outcome) berhubung projek/program yang dilaksanakan. Aspek pengurusan aktiviti pula dinilai bagi empat perkara, iaitu kaedah pemilihan projek, pengurusan produk pelancongan, pengurusan promosi dan acara pelancongan serta mekanisme pemantauan.
- Pengauditan telah dijalankan di UPEN dan LPNS serta jabatan kerajaan lain yang terlibat dalam projek/kerja pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan, iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pertanian.

- Pihak Audit telah memilih sepuluh daripada 98 produk pelancongan untuk tujuan penilaian keberhasilan aktiviti pelancongan di Negeri Sembilan. Selain itu, sebanyak 21 (17%) daripada 124 projek/kerja telah dipilih untuk tujuan pengesahan fizikal Audit. Asas pemilihan sampel adalah berdasarkan kepada nilai kos projek tertinggi dan kekerapan projek/kerja dijalankan di sesuatu produk pelancongan. Bagi program promosi dan acara pelancongan pula, semakan Audit meliputi 28 (90.3%) program promosi dan 27 (75%) acara yang dijalankan pada tahun 2017 hingga 2020.

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Bagi tahun 2017 hingga 2020, sejumlah RM24.19 juta telah diperuntukkan bagi 127 projek pembangunan dan penyenggaraan kawasan pelancongan.
- Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti pembangunan pelancongan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu untuk:
  - meningkatkan kehadiran pelancong dalam dan luar negara ke Negeri Sembilan;
  - meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan ketika menggunakan kemudahan di tempat pelancongan; dan
  - meningkatkan tempoh inap.

**Apa yang ditemui Audit?**

- Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa prestasi output pelaksanaan projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan adalah baik manakala prestasi output program promosi dan acara adalah memuaskan.
  - pencapaian output projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah baik kerana telah mencapai sasaran yang ditetapkan, iaitu sebanyak 97.6% atau 124 projek telah dilaksanakan daripada 127 projek/kerja yang disasarkan.
  - pencapaian output bagi program promosi dan acara pelancongan bagi tahun 2017 hingga 2020 tidak mencapai sasaran ditetapkan. Program promosi mencapai 63.3% atau 31 program dilaksanakan

berbanding 49 yang disasarkan. Bagi acara pelancongan mencapai 41.9% atau 36 acara dilaksanakan berbanding 86 yang disasarkan.

- UPEN dan LPNS tidak menyediakan sebarang laporan pencapaian keberhasilan bagi menilai projek yang dilaksanakan.
- Berdasarkan kajian kepuasan pelanggan yang dijalankan, lebih tinggi peratusan responden yang bersetuju bahawa infrastruktur/kemudahan yang disediakan di sepuluh produk pelancongan adalah mencukupi dan disenggara dengan baik berbanding responden yang tidak bersetuju. Namun, tahap kepuasan hati pelancong terhadap aspek kebersihan di lima Taman Eko-Rimba adalah kurang memuaskan walaupun kerja pembersihan berkala dijalankan.
- Bagi aspek pengurusan aktiviti, pelaksanaannya adalah kurang cekap kerana terdapat kelemahan dalam aspek berikut:
  - kelemahan dalam proses kerja UPEN di mana dua daripada 26 projek tidak mempunyai kertas kerja permohonan. Kertas kerja permohonan bagi dua projek tersebut tidak dikemukakan semasa proses pemilihan projek. Bagaimanapun, projek tersebut terpilih untuk menerima peruntukan;
  - pengurusan projek kurang memuaskan kerana terdapat satu projek siap tidak dapat digunakan, satu projek siap tidak disenggara, satu infrastruktur tidak digunakan mengikut tujuan asal serta tiga projek tidak mengikut spesifikasi, piawaian umum dan kualiti ditetapkan; dan
  - pengurusan promosi dan acara pelancongan tidak menyeluruh kerana tidak meliputi kesemua medium promosi yang dirancang serta tidak meliputi keseluruhan 98 produk pelancongan yang terdapat di Negeri Sembilan.



# **UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI LEMBAGA PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN**

## **2. PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN**

### **FAKTA UTAMA**

#### **Dua Perkara Dinilai dalam Pengauditan**

1. Projek Pembangunan dan Penyenggaraan Produk Pelancongan
2. Program Promosi dan Acara

#### **RM24.19 Juta**

Jumlah peruntukan projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan (2017 – 2020)

#### **Jumlah Projek**

2017 : 25  
2018 : 28  
2019 : 46  
2020 : 28

#### **Jenis Projek/Kerja yang Dijalankan:**

- Pembinaan baharu
- Pembentukan, naik taraf dan penyenggaraan
- Kerja pembersihan di Taman Eko-Rimba

#### **Program Promosi dan Acara**

#### **RM6.50 Juta**

Jumlah peruntukan program promosi (2017 – 2020)

#### **Agenси bertanggungjawab: Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan**

#### **RM8.20 Juta**

Jumlah peruntukan program acara pelancongan (2017 – 2020)

## **1. LATAR BELAKANG**

1.1. Industri pelancongan membantu pertumbuhan ekonomi di Negeri Sembilan serta meningkatkan persekitaran fizikal dan sosial yang lebih baik. Produk pelancongan merupakan hasil aktiviti pembangunan pelancongan di Negeri Sembilan yang ditawarkan kepada pelancong. Ia terbahagi kepada dua, iaitu projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan serta program promosi dan acara. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) merupakan dua agensi yang terlibat dalam menggerakkan industri pelancongan di Negeri Sembilan. UPEN diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan manakala LPNS diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program promosi serta acara pelancongan.

1.2. Dasar pelancongan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti berikut:

- a. merangkumi pelancongan pantai, eko-pelancongan dan pelancongan kebudayaan;
- b. meningkatkan kesiapsiagaan kemudahan pelancongan Negeri Sembilan;
- c. membangunkan tarikan pelancongan yang ikonik;
- d. mempertingkatkan imej pelancongan Negeri Sembilan; dan
- e. meningkatkan kuantiti *outlet* makanan dan minuman yang bersih serta menawarkan harga yang berpatutan.

1.3. Terdapat 98 produk pelancongan di tujuh daerah di Negeri Sembilan iaitu Seremban, Port Dickson, Jempol, Jelebu, Kuala Pilah, Tampin dan Rembau yang meliputi pelancongan agro, sukan dan rekreatif serta warisan dan budaya. Antara contoh produk pelancongan di Negeri Sembilan adalah Taman Eko-Rimba Ulu Bendul, Tampin *Extreme Park* dan Hutan Simpan Sg. Menyala, Port Dickson.

1.4. Kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan pembangunan di bawah kod P62 untuk melaksanakan projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan yang dikendalikan oleh UPEN. Skop projek meliputi pembinaan baharu, pemberian, naik taraf dan penyenggaraan produk pelancongan serta kerja pembersihan di Taman Eko-Rimba. Objektif projek adalah untuk menggalakkan kehadiran pelancong dalam dan luar negara ke Negeri Sembilan, meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan ketika menggunakan kemudahan di tempat pelancongan serta meningkatkan tempoh inap. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, peruntukan berjumlah RM24.19 juta telah diluluskan bagi melaksanakan 127 projek/kerja melibatkan pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan seperti dalam **Jadual 1**. Bagaimanapun, hanya 124 projek/kerja telah sebenarnya dilaksanakan bagi tempoh tersebut.

**JADUAL 1**  
**PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH P60 – PROJEK PEMBANGUNAN  
DAN PENYENGGARAAN PRODUK PELANCONGAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

BIL.	JABATAN/ AGENSI	MAKLUMAT PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN									
		2017		2018		2019		2020		JUMLAH BESAR	
		BIL. PROJEK/ KERJA	AMAUN (RM Juta)	BIL. PROJEK/ KERJA	AMAUN (RM Juta)	BIL. PROJEK/ KERJA	AMAUN (RM Juta)	BIL. PROJEK/ KERJA	AMAUN (RM Juta)	BIL. PROJEK/ KERJA	AMAUN (RM Juta)
1.	Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan	5	0.57	10	1.39	8	2.09	4	1.62	23	4.05
2.	Majlis Perbandaran/Bandaraya Seremban	1	2.00	-	-	4	0.79	1	0.45	5	2.79
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan	-	-	2	2.00	-	-	-	-	2	2.00
4.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	2	0.45	3	0.48	5	0.95	4	0.75	10	1.88

BIL.	JABATAN/ AGENSI	MAKLUMAT PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN									
		2017		2018		2019		2020		JUMLAH BESAR	
		BIL. PROJEK/ KERJA	AMAUN (RM Juta)	BIL. PROJEK/ KERJA	AMAUN (RM Juta)	BIL. PROJEK/ KERJA	AMAUN (RM Juta)	BIL. PROJEK/ KERJA	AMAUN (RM Juta)	BIL. PROJEK/ KERJA	AMAUN (RM Juta)
5.	Majlis Perbandaran Port Dickson	2	0.27	4	0.88	3	0.73	2	0.10	9	1.88
6.	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan	-	-	-	-	2	1.35	1	0.50	2	1.35
7.	Majlis Daerah Kuala Pilah	3	0.24	2	0.15	4	0.37	3	0.37	9	0.77
8.	Majlis Daerah Jelebu	4	0.20	2	0.05	5	0.40	2	0.06	11	0.65
9.	Majlis Daerah Tampin	1	0.13	1	0.20	2	0.27	4	0.35	4	0.60
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson	2	0.10	1	-	5	0.40	-	-	8	0.50
11.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau	2	0.22	-	-	2	0.23	-	-	4	0.45
12.	Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan	-	-	-	-	1	0.30	-	-	1	0.30
13.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kecil Gemas	-	-	-	-	1	0.27	-	-	1	0.27
14.	Jabatan Perikanan Negeri Sembilan	-	-	1	0.20	-	-	-	-	1	0.20
15.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu	1	0.08	-	-	1	0.10	1	0.30	2	0.18
16.	Majlis Perbandaran Nilai	1	0.03	1	0.06	1	0.06	2	0.56	3	0.15
17.	Majlis Daerah/ Perbandaran Jempol	1	0.04	1	0.04	1	0.04	2	0.34	3	0.12
18.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol	-	-	-	-	1	0.05	1	0.40	1	0.05
19.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah-	-	-	-	-	-	-	1	0.20	1	0.20
<b>JUMLAH</b>		<b>25</b>	<b>4.33</b>	<b>28</b>	<b>5.45</b>	<b>46</b>	<b>8.40</b>	<b>28</b>	<b>6.00</b>	<b>127</b>	<b>24.19</b>

Sumber: Laporan Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan dan Penyenggaraan Produk Pelancongan, UPEN

1.5. Program promosi dan acara pelancongan pula dilaksanakan oleh LPNS di bawah peruntukan Akaun Amanah Lembaga Pengurusan Pelancongan Negeri Sembilan. Program promosi dan acara telah dikategorikan kepada sembilan segmen iaitu pantai, sejarah dan budaya, makanan, membeli-belah, rekreasi, inap desa (homestay), penginapan, pendidikan dan kesihatan serta eko-pelancongan. Program yang dilaksanakan bertujuan mempromosikan produk pelancongan di Negeri Sembilan untuk meningkatkan kedatangan pelancong domestik dan luar negara. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan sejumlah RM6.50 juta bagi melaksanakan program promosi dan RM8.20 juta bagi acara pelancongan.

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti pembangunan pelancongan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu untuk:

- a. meningkatkan kehadiran pelancong dalam dan luar negara ke Negeri Sembilan;
- b. meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan ketika menggunakan kemudahan di tempat pelancongan; dan
- c. meningkatkan tempoh inap.

### **3. SKOP PENGAUDITAN**

3.1. Dua aktiviti utama berkaitan pembangunan industri pelancongan Negeri Sembilan telah diaudit, iaitu Projek Pembangunan dan Penyenggaraan Produk Pelancongan serta Program Promosi dan Acara. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit, iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan dua perkara, iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan (outcome) berhubung projek/program yang dilaksanakan. Aspek pengurusan aktiviti pula dinilai bagi empat perkara, iaitu kaedah pemilihan projek, pengurusan projek/kerja pembangunan projek, pengurusan promosi dan acara pelancongan serta mekanisme pemantauan. Skop pengauditan meliputi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Pengauditan telah dijalankan di UPEN dan LPNS serta jabatan kerajaan lain yang terlibat dalam projek/kerja pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan, iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pertanian.

3.2. Pihak Audit telah memilih 10 daripada 98 produk pelancongan yang terdapat di Negeri Sembilan untuk tujuan penilaian keberhasilan projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan. Selain itu, sebanyak 21 (17%) daripada 124 projek/kerja telah dipilih untuk tujuan pengesahan fizikal Audit. Asas pemilihan sampel adalah berdasarkan kepada nilai kos projek tertinggi dan kekerapan projek/kerja dijalankan di sesuatu produk pelancongan. Bagi program promosi dan acara pelancongan pula, semakan Audit meliputi 28 (90.3%) program promosi dan 27 (75%) acara yang dijalankan pada tahun 2017 hingga 2020. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**BILANGAN SAMPEL PENG AUDITAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN**

SKOP PENG AUDITAN	POPULASI		SAMPEL AUDIT			
	BIL. PROGRAM/PROJEK	NILAI (RM Juta)	BIL. PROGRAM/PROJEK	NILAI (RM Juta)	PERATUS BIL. PROGRAM/PROJEK (%)	PERATUS NILAI PROGRAM/PROJEK (RM Juta)
Projek Pembangunan dan Penyenggaraan	124	20.39	21	8.15	16.9	40
Program Promosi	31	2.91	28	2.59	90.3	89
Program Acara	36	3.80	27	3.47	75	91.3
<b>JUMLAH</b>	<b>191</b>	<b>27.10</b>	<b>76</b>	<b>14.21</b>	<b>39.8</b>	<b>52.4</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **4. METODOLOGI PENG AUDITAN**

Peng auditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat berkaitan, laporan pelaksanaan projek, laporan pelaksanaan program promosi dan acara pelancongan, baucar bayaran dan dokumen lain yang berkaitan. Lawatan Audit telah dijalankan pada bulan Disember 2019 dan Februari 2020 terhadap 21 projek yang dilaksanakan. Perbincangan dan temu bual turut diadakan bersama pegawai UPEN, LPNS dan jabatan/agensi terlibat.

#### **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Peng auditan telah dijalankan antara bulan Disember 2019 hingga Februari 2020. Perkara yang ditemui serta maklum balas UPEN telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 9 Oktober 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti perenggan berikut:

##### **5.1. Prestasi Aktiviti**

###### **5.1.1. Pencapaian Output**

###### **5.1.1.1. Projek Pembangunan dan Penyenggaraan Produk Pelancongan**

- Berdasarkan Garis Panduan Perbelanjaan Pembangunan Bilangan 2 Tahun 2017, Bilangan 3 Tahun 2018 dan Bilangan 2 Tahun 2019, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perancangan jadual pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan teliti dan mengikuti keutamaan mulai awal tahun kewangan. Ini bagi

memastikan perbelanjaan dibuat secara optimum di samping mengelakkan perolehan yang tidak dirancang pada akhir tahun kewangan. Garis panduan tersebut juga menetapkan Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perancangan perbelanjaan adalah berasaskan kepada peruntukan yang diluluskan dalam Belanjawan Negeri Sembilan.

- b. Berdasarkan belanjawan tahun 2017 hingga 2020 yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sembilan, sejumlah RM24.19 juta telah diperuntukkan bagi 127 projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan. Semakan Audit terhadap laporan pelaksanaan projek bagi tahun 2017 hingga 2020 mendapati **hanya 124 (97.6%) daripada 127 projek/kerja telah sebenarnya dilaksanakan**. Antara projek pembangunan dan penyenggaraan yang dilaksanakan termasuklah membina dan menyiapkan Rumah Asal Tukang Kahar di Muzium Diraja Seri Menanti, menaiktaraf *Historical Trail* (Batu Peringatan Inggeris), membina monumen perkataan nama pekan-pekan utama di dalam Daerah Jelebu dan menaik taraf chalet di Taman Eko-Rimba Ulu Bendul seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

**GAMBAR 1**



Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah  
- Projek Membina dan Menyiapkan Rumah  
Asal Tukang Kahar  
(06.02.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**




Pekan Kuala Klawang, Jelebu  
- Projek Menaiktaraf *Historical Trail*  
(Batu Peringatan Inggeris)  
(02.12.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



Pekan Kuala Klawang, Jelebu  
- Projek Membina Monumen Perkataan  
Nama Pekan Utama  
(02.12.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



Taman Eko-Rimba Ulu Bendul, Kuala Pilah  
- Projek Menaiktaraf Chalet  
(16.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tiga projek tidak dilaksanakan**, iaitu Projek Pembinaan Tandas di Batu 5, Port Dickson oleh Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) bagi tahun 2018; kerja pembersihan berkala di Taman Eko-Rimba Serting Ulu oleh Majlis Perbandaran Jempol (MPJ); dan kerja pembersihan berkala di Taman Eko-Rimba Lata Kijang oleh Majlis Daerah Jelebu (MDJ) bagi tahun 2020. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN**  
**PENYENGGARAAN PRODUK PELANCONGAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

TAHUN	PERANCANGAN		PELAKSANAAN SEBENAR			
	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	BILANGAN PROJEK (BIL.)	(%)	(RM Juta)	(%)
2017	25	4.33	25	100	4.10	94.7
2018	28	5.46	27	96.4	4.82	88.3
2019	46	8.40	46	100	7.85	93.5
2020	28	6.00	26	92.8	3.62	60.3
<b>JUMLAH</b>	<b>127</b>	<b>24.19</b>	<b>124</b>	<b>97.6</b>	<b>20.39</b>	<b>84.3</b>

Sumber: Laporan Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan dan Penyenggaraan Produk Pelancongan, UPEN

- d. Berdasarkan jadual di atas, semakan Audit mendapati peruntukan yang diterima bagi tahun 2017 hingga 2020 berjumlah RM24.19 juta manakala bagi tempoh yang sama, hanya sejumlah RM20.39 juta (84.3%) telah dibelanjakan. Pada tahun 2017, sejumlah RM4.10 juta (94.7%) daripada RM4.33 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan 25 projek/kerja. Bagi tahun 2018 pula, berlaku penurunan peratusan perbelanjaan iaitu 88.3% atau RM4.82 juta dibelanjakan bagi pelaksanaan 27 projek/kerja. Ini disebabkan projek Pembinaan Tandas di Batu 5, Port Dickson berjumlah RM350,000 tidak dilaksanakan selain terdapat penjimatan kos projek sebanyak RM284,744. Bagi tahun 2019 pula, sejumlah RM7.85 juta (93.5%) daripada RM8.40 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan 46 projek/kerja. Bagi tahun 2020, sejumlah RM3.62 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan 26 projek/kerja berbanding 28 projek/kerja yang dirancang. Ini disebabkan kerja pembersihan berkala di Taman Eko-Rimba Serting Ulu oleh MPJ bernilai RM39,000; dan kerja pembersihan berkala di Taman Eko-Rimba Lata Kijang oleh MDJ bernilai RM20,000 tidak dilaksanakan. Selain itu, terdapat penjimatan kos projek sebanyak RM2.32 juta.

### Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 5 Oktober 2020

MPPD tidak dapat melaksanakan projek Pembinaan Tandas di Batu 5, Port Dickson kerana anggaran kos yang dikemukakan semasa permohonan peruntukan adalah

rendah dan tidak mencukupi bagi pembinaan tandas. MPPD mengakui terdapat kesilapan sewaktu menghantar permohonan yang mana skop pemasangan paip kumbahan berpusat dan pelan kerja ukur kawasan tidak termasuk dalam anggaran perbelanjaan. Selain itu, isu gerai haram perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum membina tandas baru di pantai Batu 5, Port Dickson.

Sehubungan itu, pada 11 Oktober 2018, MPPD telah mengemukakan surat kepada pihak UPEN agar projek pembinaan ini ditangguhkan dan akan memohon semula pada tahun 2019. Bagaimanapun, MPPD telah menerima kelulusan peruntukan daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sejumlah RM500,000 bagi pembinaan tandas tersebut pada tahun 2019. Justeru itu, pembinaan projek tersebut telah dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan KPkt.

**Pendapat Audit** | **Pencapaian output bagi projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan adalah baik, iaitu pada kadar 97.6% daripada bilangan yang disasarkan dalam tempoh tahun 2017 hingga 2020.**

#### **5.1.1.2. Program Promosi dan Acara Pelancongan**

- a. Program promosi dan acara pelancongan dilaksanakan oleh LPNS di bawah peruntukan Akaun Amanah Lembaga Pengurusan Pelancongan Negeri Sembilan. Kerajaan Negeri Sembilan telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM3 juta setahun bagi tujuan pelaksanaan program promosi dan acara, emolumen dan lain-lain perbelanjaan pentadbiran LPNS. Unit Promosi Dan Pemasaran LPNS bertanggungjawab untuk merangka strategi dan melaksanakan program promosi yang berkesan, manakala Unit Acara LPNS bertanggungjawab merancang dan melaksanakan acara pelancongan. Antara program promosi dan acara pelancongan yang dilaksanakan termasuklah MATTA Fair 2019 dan *World Travel Market* 2019 seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

**GAMBAR 5**

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)  
- Pengunjung Melawat Booth Negeri Sembilan  
Semasa Matta Fair 2019  
(16.03.2019)  
(Sumber: LPNS)

**GAMBAR 6**

High Commission of Malaysia, London, United Kingdom  
- Sesi Taklimat Semasa World Travel Market  
(05.11.2019)  
(Sumber: LPNS)

- b. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, sebanyak 49 program promosi dengan peruntukan sejumlah RM6.50 juta telah diluluskan. Bagi program acara pelancongan pula, sebanyak 86 acara dengan peruntukan sejumlah RM8.20 juta telah diluluskan. Butiran lanjut mengenai perancangan dan pelaksanaan program promosi dan acara pelancongan LPNS bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4****PENCAPAIAN PROGRAM PROMOSI DAN ACARA BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

TAHUN	SASARAN		PELAKSANAAN		PERATUS PELAKSANAAN (%)	
	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PERBELANJAAN
<b>PROGRAM PROMOSI</b>						
2017	12	1.27	11	0.96	91.7	75.6
2018	13	1.52	9	0.63	69.2	41.4
2019	14	1.62	8	1.00	57.1	61.7
2020	10	2.09	3	0.32	30.0	15.3
<b>JUMLAH</b>	<b>49</b>	<b>6.50</b>	<b>31</b>	<b>2.91</b>	<b>63.3</b>	<b>44.8</b>
<b>PROGRAM ACARA</b>						
2017	19	2.01	13	2.24	68.4	111.4
2018	9	0.95	5	0.23	55.6	24.2
2019	16	1.90	9	1.00	56.3	52.6
2020	42	3.34	9	0.33	21.4	9.9
<b>JUMLAH</b>	<b>86</b>	<b>8.20</b>	<b>36</b>	<b>3.80</b>	<b>41.9</b>	<b>46.3</b>

Sumber: Unit Promosi dan Pemasaran, dan Unit Acara, LPNS

- c. Berdasarkan jadual di atas, semakan Audit mendapati program promosi dan acara bagi tahun 2017 hingga 2020 tidak mencapai sasaran ditetapkan. Bagi program promosi, hanya 63.3% atau 31 program promosi yang dilaksanakan berbanding 49 program yang disasarkan. Keseluruhan perbelanjaan program promosi adalah RM2.91 juta (44.8%) daripada RM6.50 juta yang diperuntukkan. Antara program

promosi yang tidak dilaksanakan adalah *bunting/flyers* pelancongan dan promosi melalui kaedah teknologi maklumat.

- d. Bagi acara pelancongan pula, hanya 41.9% atau 36 acara yang dilaksanakan berbanding 86 acara yang disasarkan. Keseluruhan perbelanjaan program acara pelancongan adalah RM3.80 juta (46.3%) daripada RM8.20 juta yang diperuntukkan. Antara acara pelancongan yang tidak dilaksanakan adalah Festival Kebudayaan Orang Asli pada tahun 2017, Bola Tampar Pantai pada tahun 2018 dan Nilai *Family Run* pada tahun 2019.
- e. Pihak LPNS memaklumkan program promosi dan acara tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang, antaranya disebabkan oleh faktor berikut:
  - i. peletakan jawatan Pengurus Besar LPNS;
  - ii. pembatalan atau semakan semula program oleh Pentadbiran baharu/penganjur program; dan
  - iii. kekangan pegawai berikutan penamatan perkhidmatan dua pegawai dan kekosongan di Unit Acara. Ini kerana semua pegawai di LPNS merupakan lantikan *contract for service*.

### **Maklum Balas LPNS yang Diterima pada 19 Oktober 2020**

Disebabkan LPNS menghadapi kekangan pegawai untuk melaksanakan program promosi dan acara, LPNS hanya memberi tumpuan kepada program dan projek yang diarahkan untuk dilaksanakan oleh pihak pengurusan tertinggi. Selain itu, LPNS turut melaksanakan program *ad hoc* yang memberi impak positif kepada pelancongan Negeri Sembilan seperti NS Festival, Bola Sepak Sawah dan misi jualan luar negara iaitu *World Travel Mart London*.

**Pendapat Audit** | **Pencapaian output bagi tahun 2017 hingga 2020 hanya mencapai 63.3% (program promosi) dan 41.9% (acara pelancongan) daripada bilangan program yang disasarkan. Bagaimanapun, LPNS telah melaksanakan pelbagai program *ad hoc* sebagai usaha mempergiatkan promosi produk pelancongan untuk menarik kedatangan pelancong ke Negeri Sembilan.**

## **5.1.2. Pencapaian Keberhasilan**

### **5.1.2.1. Projek Pembangunan dan Penyenggaraan Produk Pelancongan**

Objektif pelaksanaan projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan adalah untuk menggalakkan kehadiran pelancong, meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan semasa menggunakan kemudahan di tempat pelancongan serta meningkatkan tempoh inap pelancong di Negeri Sembilan. Semakan Audit mendapati pihak UPEN tidak menyediakan laporan penilaian pencapaian keberhasilan terhadap projek yang telah dilaksanakan bagi tahun 2017 hingga 2020. Pihak Audit juga tidak dapat menilai pencapaian keberhasilan bagi aspek meningkatkan tempoh inap kerana tiada rekod mengenai perkara tersebut didokumentasikan. Butiran lanjut mengenai pencapaian keberhasilan bagi projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan adalah seperti berikut:

#### **a. Prestasi Kedatangan Pelancong ke Produk Pelancongan**

- i. Pihak Audit telah memilih 10 daripada 98 produk pelancongan yang boleh diukur kedatangan pelancong bagi tahun 2017 hingga 2020. Produk pelancongan tersebut adalah Pusat Pelancongan *Edu-Ecotourism* Hutan Simpan Sg. Menyala, Port Dickson; Taman Negeri Kenaboi; Taman Eko-Rimba Ulu Bendul; Taman Eko-Rimba Gunung Datuk; Muzium Diraja Seri Menanti Kuala Pilah; Teratak Za'ba Jempol; Muzium Negeri; Pusat Ikan Hiasan Port Dickson; Tampin *Water Park*; dan Tampin *Extreme Park*. Bagi mengukur prestasi kedatangan pelancong, pihak Audit telah mendapatkan data pelancong melalui buku kehadiran pelancong, bayaran tiket, rekod penginapan dan penyertaan masuk ke produk pelancongan.
- ii. Semakan Audit terhadap Laporan Kedatangan Pelancong yang disediakan oleh jabatan/agensi terlibat mendapati empat produk pelancongan telah menunjukkan peningkatan jumlah pelancong bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Produk pelancongan tersebut ialah Pusat Pelancongan *Edu-Ecotourism* Hutan Simpan Sg. Menyala, Port Dickson; Taman Negeri Kenaboi; Taman Eko-Rimba Gunung Datuk; dan Pusat Ikan Hiasan, Port Dickson. Selain itu, sebanyak dua produk pelancongan menunjukkan peningkatan pelancong pada tahun 2018, tetapi kembali menurun pada tahun 2019 iaitu Teratak Za'ba dan Muzium Negeri. Ini disebabkan kedua-dua muzium tersebut telah ditutup pada tahun 2019 untuk kerja penyenggaraan dan naik taraf.

- iii. Analisis selanjutnya mendapati Taman Eko-Rimba Ulu Bendul telah mencatatkan jumlah kedatangan pelancong tertinggi iaitu seramai 899,499 pelancong. Ini diikuti Pusat Ikan Hiasan (311,861 pelancong) Muzium Negeri (131,861 pelancong) dan Taman Eko-Rimba Gunung Datuk (100,210 pelancong).
- iv. Tampin *Extreme Park* pula mencatatkan jumlah kedatangan pelancong paling rendah (2,279 pelancong) pada tahun 2019. Bagi tahun 2017 dan 2018, ia tidak dibuka kepada pelancong kerana Majlis Daerah Tampin (MDT) menumpukan kepada kerja penyenggaraan. Bagi tahun 2020, jumlah kedatangan pelancong ke tujuh produk pelancongan mencatatkan penurunan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19. Bagaimanapun, kedatangan pelancong didapati meningkat ke Taman Negeri Kenaboi dan Taman Eko-Rimba Gunung Datuk. Tiada kedatangan pelancong ke Tampin *Extreme Park* kerana ia ditutup sewaktu PKP dan untuk kerja naik taraf. Butiran lanjut mengenai jumlah kedatangan pelancong ke 10 produk pelancongan tersebut bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 5.**

**JADUAL 5**  
**JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG KE 10**  
**PRODUK PELANCONGAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

BIL.	PRODUK PELANCONGAN	DAERAH	JABATAN/AGENSI	DATA PELANCONG					
				2017	2018	2019	2020	JUMLAH	
1.	Pusat Pelancongan ( <i>Edu-Ecotourism</i> ) Hutan Simpan Sungai Menyala, Port Dickson	Port Dickson	Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan	3,573	6,564	10,540	5,541	20,677	
2.	Taman Negeri Kenaboi	Jelebu		3,164	6,145	6,648	7,575	15,957	
3.	Taman Eko-Rimba Ulu Bendul	Kuala Pilah		278,465	274,922	346,112	120,019	899,499	
4.	Taman Eko-Rimba Gunung Datuk	Rembau		28,288	34,046	37,876	50,414	100,210	
5.	Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah	Kuala Pilah	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	Ditutup untuk kerja naik taraf		24,290	21,976	24,290	
6.	Teratak Za'ba, Jempol	Jempol		9,985	21,585	18,110	5,569	49,680	
7.	Muzium Negeri	Seremban		31,793	57,045	42,799	7,525	131,637	
8.	Pusat Ikan Hiasan, Port Dickson	Port Dickson	Jabatan Perikanan Negeri Sembilan	85,377	86,421	140,063	26,022	311,861	
9.	Tampin <i>Extreme Park</i>	Tampin	Majlis Daerah Tampin	Ditutup untuk kerja naik taraf		2,729	Ditutup semasa PKP dan untuk kerja naik taraf	2,729	
10.	Tampin Water Park	Tampin		Ditutup untuk kerja naik taraf		52,079			
<b>JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG</b>				<b>440,645</b>	<b>486,728</b>	<b>681,246</b>	<b>252,997</b>	<b>1,608,619</b>	
<b>JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG TANPA MENGAMBIL KIRA MUZIUM DIRAJA SERI MENANTI, TAMPIN EXTREME PARK &amp; TAMPIN WATER PARK (DATA TAK LENGKAP)</b>				<b>440,645</b>	<b>486,728</b>	<b>602,148</b>	<b>222,665</b>	<b>1,529,521</b>	

Sumber: Laporan Kedatangan Pelancong Jabatan/Agenси

v. Selain itu, pihak Audit telah mengedarkan 150 borang soal selidik kepada orang awam bagi mendapatkan maklum balas sama ada mereka pernah mengunjungi 10 produk pelancongan tersebut. Analisis Audit terhadap 137 borang soal selidik yang telah dikembalikan mendapati seramai 81.8% responden menyatakan pernah mengunjungi Taman Eko-Rimba Ulu Bendul, diikuti Muzium Negeri (61.3%), Muzium Diraja Seri Menanti (56.2%), Pusat Ikan Hiasan, Port Dickson (37.2%) dan Taman Eko-Rimba Gunung Datuk (37.2%). Jumlah kunjungan terendah oleh responden adalah di Tampin *Water Park* (8%), diikuti Tampin *Extreme Park* (8.8%) dan Pusat Pelancongan *Edu-Ecotourism* Hutan Simpan Sungai Menyala, Port Dickson (24.8%). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.**

**JADUAL 6**  
**JUMLAH RESPONDEN YANG MENGUNJUNGI 10 PRODUK PELANCONGAN**

BIL.	PRODUK PELANCONGAN	PERNAH MENGUNJUNGI		TIDAK PERNAH MENGUNJUNGI	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)
1.	Pusat Pelancongan <i>Edu-Ecotourism</i> Hutan Simpan Sungai Menyala, Port Dickson	34	24.8	103	75.2
2.	Taman Negeri Kenaboi, Jelebu	42	30.7	95	69.3
3.	Taman Eko-Rimba Ulu Bendul, Seremban	112	81.8	25	18.2
4.	Muzium Negeri, Seremban	84	61.3	53	38.7
5.	Pusat Ikan Hiasan, Port Dickson	51	37.2	86	62.8
6.	Taman Eko-Rimba Gunung Datuk, Rembau	51	37.2	86	62.8
7.	Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah	77	56.2	60	43.8
8.	Teratak Za'ba, Jempol	52	38.0	85	62.0
9.	Tampin <i>Extreme Park</i>	12	8.8	125	91.2
10.	Tampin <i>Water Park</i>	11	8.0	126	92.0

Sumber: Jabatan Audit Negara

### Maklum Balas LPNS dan UPEN yang Diterima pada 5 Oktober 2020

Pada masa ini, belum ada lagi negeri di Malaysia yang dapat mengukur tempoh inap secara spesifik. Bagaimanapun, ada data yang boleh dikumpul setiap bulan oleh Unit Kewangan Produk Dan Perkhidmatan LPNS melalui Persatuan Hotel Bajet (Mybha) yang memberi maklumat penginapan dan negara asal pelancong. Pada masa ini, LPNS menggunakan data tempoh inap (Average Occupancy Rates) yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia. Peratus kadar inap pelancong di Negeri Sembilan bagi tahun 2017 adalah 55.7%, 2018 (54.2%) dan 2019 (51.9%).

Bagaimanapun menyedari kekangan dan kepentingan data pelancongan, LPNS telah memulakan tindakan untuk membangunkan sistem pangkalan data pelancongan negeri yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2021 menggunakan peruntukan

Pemberian Cukai Pelancongan yang mana sebahagian daripada cukai pelancongan digunakan untuk statistik. Bermula bulan Mac 2020 LPNS telah mengambil tindakan awal untuk mendengar pembentangan dan spesifikasi daripada syarikat-syarikat yang berminat untuk membangunkan pengumpulan data dan statistik untuk pelancongan Negeri Sembilan. LPNS telah mendapatkan khidmat nasihat daripada Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan, Jabatan Perangkaan dan Jabatan Imigresen.

UPEN menyatakan pihaknya memberi keutamaan kepada program/projek yang dapat membawa lebih ramai kedatangan pelancong ke Negeri Sembilan.

**Pendapat Audit** | **Tiada laporan penilaian disediakan terhadap projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan menyebabkan keberhasilan tidak dapat dinilai. Bagaimanapun, secara keseluruhan jumlah kedatangan pelancong telah menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2017 hingga 2019.**

**b. Tahap Kepuasan Pengunjung Terhadap Infrastruktur/Kemudahan yang Disediakan**

- i. Pihak Audit telah mengedarkan Borang Soal Selidik semasa lawatan fizikal dijalankan. Tujuannya adalah untuk menilai tahap kepuasan hati pengunjung terhadap infrastruktur/kemudahan yang disediakan di sepuluh produk pelancongan yang telah dilaksanakan projek/kerja pembangunan dan penyenggaraan. Daripada 150 borang soal selidik yang diedarkan, sebanyak 137 borang soal selidik telah dikembalikan kepada pihak Audit. Bagaimanapun, analisis Audit adalah berdasarkan bilangan responden yang pernah mengunjungi produk pelancongan terlibat. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**TAHAP KEPUASAN PELANCONG TERHADAP**  
**INFRASTRUKTUR/KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN**

BIL.	PRODUK PELANCONGAN	BILANGAN RESPONDEN YANG PERNAH MENGUNJUNGKI PRODUK PELANCONGAN	INFRASTRUKTUR/KEMUDAHAN ADALAH MENCUKUPI DAN DISENGGARA DENGAN BAIK (PENILAIAN RESPONDEN)			
			YA	(%)	TIDAK	(%)
1.	Pusat Pelancongan ( <i>Edu-Ecotourism</i> ) Hutan Simpan Sungai Menyala, Port Dickson	34	30	88.2	4	11.8
2.	Taman Negeri Kenaboi, Jelebu	40	24	60.0	16	40.0
3.	Taman Eko-Rimba Ulu Bendul, Seremban	113	67	59.3	46	40.7
4.	Muzium Negeri, Seremban	86	75	90.4	8	9.6
5.	Pusat Ikan Hiasan, Port Dickson	53	48	90.6	5	9.4
6.	Taman Eko-Rimba Gunung Datuk, Rembau	48	25	52.1	23	47.9
7.	Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah	77	71	92.2	6	7.8
8.	Teratak Za'ba, Jempol	54	44	81.5	10	18.5
9.	Tampin <i>Extreme Park</i>	17	6	35.3	11	64.7
10.	Tampin <i>Water Park</i>	14	7	50.0	7	50.0


Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Berdasarkan jadual di atas, didapati bilangan responden yang bersetuju bahawa infrastruktur/kemudahan yang disediakan mencukupi dan disenggara dengan baik adalah antara 35.3% hingga 92.2%. Antara infrastruktur/kemudahan yang disediakan adalah bilik persalinan, tempat letak kenderaan dan tandas. Responden yang menyatakan infrastruktur/kemudahan yang terdapat di sepuluh produk pelancongan tersebut tidak mencukupi dan tidak disenggara dengan baik pula adalah antara 7.8% hingga 64.7%.

### c. Tahap Kepuasan Pengunjung Terhadap Aspek Kebersihan

- i. Terdapat juga kerja-kerja pembersihan berkala yang dijalankan di Taman Eko-Rimba dengan menggunakan peruntukan pembangunan P62. Pihak Audit telah menganalisis tahap kepuasan pengunjung terhadap aspek kebersihan di lima Taman Eko-Rimba di sekitar Negeri Sembilan yang telah dijalankan kerja-kerja pembersihan berkala tersebut. Maklum balas responden adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**TAHAP KEPUASAN PELANCONG**  
**TERHADAP KEBERSIHAN DI PRODUK PELANCONGAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Berdasarkan carta di atas, analisis Audit mendapati seramai 23 (45.1%) hingga 110 (94%) responden berpendapat kebersihan di lima Taman Eko-Rimba tersebut adalah tidak memuaskan. Perkara ini disebabkan terdapat sampah sarap di kawasan persekitaran, keadaan hutan yang tidak terurus dan kemudahan tandas yang kotor. Selain itu, tujuh atau 6% hingga 54 (54.9%) responden menyatakan kebersihan di lima Taman Eko-Rimba tersebut adalah memuaskan.

**Pendapat Audit** | Merujuk kepada hasil soal selidik yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa lebih ramai responden yang berpendapat infrastruktur/kemudahan yang disediakan (kecuali di Tampin *Extreme Park* dan Tampin *Water Park*) adalah mencukupi dan disenggara dengan baik. Bagaimanapun, tahap kepuasan pengunjung terhadap kebersihan lima Taman Eko-Rimba adalah kurang memuaskan.

### **5.1.2.2. Promosi dan Acara Pelancongan**

Objektif pelaksanaan program promosi dan acara pelancongan LPNS adalah untuk meningkatkan kedatangan pelancong di Negeri Sembilan. LPNS telah menyasarkan seramai 26.8 juta kedatangan pelancong bagi tahun 2017 hingga 2020 berdasarkan sumber rujukan LPNS, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Tourism Malaysia.

#### **a. Prestasi Kedatangan Pelancong ke Negeri Sembilan**

Semakan Audit hanya dapat dilakukan terhadap data kedatangan pelancong sebenar bagi tahun 2017 hingga 2019 manakala data tahun 2020 masih belum dikeluarkan oleh Tourism Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia setakat bulan Februari 2021. Berdasarkan laporan yang disediakan oleh LPNS, pihak Audit mendapati jumlah kedatangan pelancong sebenar bagi tahun 2017 hingga 2019 adalah seramai 21.2 juta atau 108.7% berbanding 19.5 juta pelancong yang disasarkan bagi tempoh tersebut. Ini bermaksud kedatangan pelancong sebenar telah melebihi sebanyak 1.7 juta atau 8.7% daripada sasaran yang ditetapkan. Pelancong domestik adalah seramai 17.42 juta manakala pelancong antarabangsa adalah 3.78 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PRESTASI KEDATANGAN PELANCONG**  
**KE NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

TAHUN	SASARAN (Juta Orang)	JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG (Juta Orang)			
		DOMESTIK	ANTARABANGSA	JUMLAH	PERATUS PENCAPAIAN (%)
2017	5.00	5.34	1.52	6.86	137.2
2018	7.00	6.08	1.76	7.84	112.0
2019	7.50	6.00	0.50	6.50	86.7
2020	7.30	Data masih belum dikeluarkan oleh <i>Tourism Malaysia &amp; Jabatan Perangkaan Malaysia</i>			
<b>JUMLAH</b>	<b>26.80</b>	<b>17.42</b>	<b>3.78</b>	<b>21.20</b>	<b>108.7</b>

Sumber: LPNS

#### **b. Sumbangan Aktiviti Pelancongan Kepada Pendapatan Negeri**

- Berdasarkan Data Sosioekonomi Negeri Sembilan Tahun 2019 yang diterbitkan oleh UPEN, pendapatan bagi lima produk pelancongan bagi tahun 2018 dan 2019 berjumlah RM1.63 juta. Produk pelancongan tersebut adalah *Homestay Pelegong*, *Homestay Lonek*, *Homestay Pachitan*, *Homestay Rawa* dan *Homestay D'Pelanduk*. Pendapatan bagi empat *homestay* telah menunjukkan peningkatan bagi tahun 2019, manakala pendapatan *Homestay Pelegong*

sahaja telah menurun pada tahun 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PENDAPATAN LIMA PRODUK PELANCONGAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2019**

<b>BIL.</b>	<b>PRODUK PELANCONGAN</b>	<b>PENDAPATAN (RM)</b>		<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>
		<b>2018</b>	<b>2019</b>	
1.	<i>Homestay</i> Pelegong,	5,040	2,720	7,760
2.	<i>Homestay</i> Lonek	110,253	302,161	412,414
3.	<i>Homestay</i> Pachitan	203,660	333,585	537,245
4.	<i>Homestay</i> Rawa	88,200	326,000	414,200
5.	<i>Homestay</i> D'Pelandok	94,010	167,870	261,880
<b>JUMLAH</b>		<b>501,163</b>	<b>1,132,336</b>	<b>1,633,499</b>

Sumber: Data Sosioekonomi Negeri Sembilan 2019, UPEN

- ii. Selain itu juga, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah pendapatan sebenar aktiviti pelancongan Negeri Sembilan bagi tahun 2017 hingga 2019 yang memberi nilai tambah kepada pendapatan Kerajaan negeri. Hal ini disebabkan LPNS belum mempunyai sistem pangkalan data pelancongan Negeri Sembilan. Bagaimanapun menurut LPNS, pembangunan sistem pangkalan data pelancongan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2021 yang melibatkan kerjasama antara jabatan dan agensi.

### **Maklum Balas LPNS dan UPEN yang Diterima pada 5 Oktober 2020**

Bermula tahun 2019, LPNS mengguna pakai sepenuhnya data statistik yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia bagi kategori Pelancong Antarabangsa dan Jabatan Perangkaan Malaysia bagi kategori Pelancong Tempatan.


LPNS dijangka akan membangunkan sistem pangkalan data pelancongan negeri pada tahun 2021 menggunakan peruntukan Pemberian Cukai Pelancongan.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Jumlah pelancong sebenar yang melebihi sasaran pada tahun 2017 dan 2018 serta mencapai 86.7% pada tahun 2019 menunjukkan program promosi dan acara yang dilaksanakan telah berjaya menarik kedatangan pelancong ke Negeri Sembilan.</b>
-----------------------	--

## **5.2. Pengurusan Aktiviti Pembangunan Pelancongan**

### **5.2.1. Kaedah Pemilihan Projek**

- a. Berdasarkan carta alir dan proses kerja UPEN berkaitan projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan seperti dalam **Carta 2**, jabatan/agensi hendaklah menyerahkan Cadangan Projek kepada UPEN bagi tujuan Anggaran Belanjawan tahun akan datang.



Sumber: UPEN

- b. Cadangan Projek yang diterima dibentangkan dalam Mesyuarat Cadangan Projek-Projek Pembangunan Pelancongan Bagi Tujuan Anggaran Belanjawan Vot P62 (Pelancongan). Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Pengarah UPEN dan ahli-ahli terdiri daripada Timbalan Pengarah Sektoral dan Penolong Pengarah Unit Pelancongan dari UPEN dan Pengurus Besar LPNS. Setelah itu, UPEN dan LPNS menyelaras senarai projek yang berpotensi untuk dilaksanakan oleh

jabatan/agensi dan Cadangan Anggaran Peruntukan Pembangunan dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri (PKN) untuk makluman dan pertimbangan. Menurut Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan (PKWNS) senarai cadangan projek yang dikemukakan oleh jabatan/agensi adalah mengambil kira pandangan Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pelancongan yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan. Seterusnya sesi pemeriksaan anggaran bajet dijalankan secara bersemuka dengan jabatan/agensi mengikut jadual yang ditetapkan. Sesi ini turut dihadiri oleh UPEN dan UPEN akan mengemas kini senarai projek mengikut siling peruntukan tahunan yang telah ditetapkan oleh PKWNS.

- c. Bagi tahun 2017 hingga 2019, sebanyak 99 projek telah dipilih untuk dilaksanakan. Projek yang telah dipilih melibatkan pembinaan baharu, penyenggaraan dan kerja pembersihan di Taman Eko-Rimba.
- d. Semakan Audit terhadap 26 daripada 99 kertas permohonan bagi projek yang diluluskan pada tahun 2017 hingga 2019 mendapati 24 projek mempunyai kertas cadangan projek serta telah dibincang dan dibentangkan dalam Mesyuarat Cadangan Projek-Projek Pembangunan Pelancongan Bagi Tujuan Anggaran Belanjawan Vot P62. Bagaimanapun, dua projek Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan (JPSNS) pada tahun 2018 tidak mempunyai kertas cadangan projek serta tidak dibincang dan dibentangkan dalam Mesyuarat Cadangan Projek-Projek Pembangunan Pelancongan Bagi Tujuan Anggaran Belanjawan Vot P62. Selain itu, tiada bukti JPSNS telah dijemput bagi sesi anggaran pemeriksaan bajet bagi Vot P62. Projek terlibat adalah Projek Pengurusan Pantai Negeri Sembilan bernilai RM0.93 juta dan Projek Saliran Alam bernilai RM0.96 juta.
- e. Semakan lanjut terhadap surat panggilan Mesyuarat Cadangan Projek-Projek Pembangunan Pelancongan Bagi Tujuan Anggaran Belanjawan Vot P62 daripada UPEN kepada jabatan/agensi terlibat mendapati JPSNS tidak tersenarai dalam sesi perbincangan dan pembentangan yang dijadualkan pada 22 Mei 2017. Semakan Audit terhadap surat jemputan bagi sesi pemeriksaan anggaran bajet bagi Vot P62 daripada UPEN kepada jabatan/agensi terlibat juga mendapati JPSNS tidak tersenarai bagi sesi yang dijadualkan pada 20 Julai 2017. Bagaimanapun, didapati JPSNS telah tersenarai sebagai penerima peruntukan bagi dua projek berkenaan. Semakan Audit mendapati Surat Kelulusan Projek bagi Vot P62 untuk Pengurusan Pantai dan Projek Saliran Mesra Alam dengan sejumlah RM1 juta setiap satu projek telah dikeluarkan oleh UPEN kepada JPSNS pada 13 Februari 2018.

- f. Berdasarkan temu bual bersama Jurutera Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Port Dickson (JPSPD), projek pengurusan pantai diserahkan kepada JPSPD untuk dilaksanakan. Pihaknya tidak membuat permohonan untuk menjalankan Projek Pengurusan Pantai. Menurutnya, penilaian dan penentuan projek tersebut hanya dibuat oleh JPSPD apabila peruntukan RM1 juta diterima dan dimaklumkan oleh JPSNS. JPSPD seterusnya membuat penilaian dan memilih dua pantai iaitu Pantai Teluk Kemang dan Pantai Tanjung Lembah bagi kerja-kerja pemuliharaan pantai kerana kedua-dua pantai tersebut adalah tumpuan utama pelancong di Port Dickson. Selain itu pemilihan dua pantai tersebut oleh JPSPD adalah berasaskan sumber National Coastal Erosion Studies (NCES) 2015 yang melaporkan kedua-dua pantai tersebut mengalami masalah hakisan yang tinggi.
- g. Projek Saliran Mesra Alam yang melibat kerja-kerja penyenggaraan di 22 lokasi kolam takungan pula dirancang setelah JPSNS menerima peruntukan berjumlah RM1 juta. Semakan Audit mendapati antara skop projek tersebut adalah membaik pulih dan menaik taraf kolam takungan seperti memotong rumput, kerja pemberian *outlet/inlet* kolam serta membuang mendapan. Selain itu, skop projek termasuk juga pemberian komponen landskap seperti gazebo, bangku dan pemasangan papan tanda.

### **Maklum Balas UPEN dan LPNS yang Diterima pada 5 Oktober 2020**

Peruntukan bagi projek di bawah JPSNS tersebut telah ada di Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Secara umumnya, kaedah pemilihan projek adalah berdasarkan kepada kriteria berikut:

- i. Prestasi perbelanjaan pemilik projek bagi tempoh tiga tahun ke belakang;
- ii. Prestasi tahun semasa;
- iii. Kepentingan projek sambung / baharu; dan
- iv. Impak kepada industri.

### **Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 7 Julai 2021**

Agenzi yang dijemput ke Mesyuarat Cadangan Projek-Projek Pembangunan Pelancongan Bagi Tujuan Anggaran Belanjawan Vot P62 dan mengemukakan Kertas Cadangan adalah agensi pelaksana yang mentadbir dan bertanggungjawab terhadap produk pelancongan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Perhutanan dan Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Untuk makluman JPSNS

bukanlah salah satu agensi pelaksana yang terlibat secara langsung dan sememangnya tidak dijemput dari peringkat awal lagi. Dalam hal ini, wajar dijelaskan bahawa satu-satu peruntukan tidak boleh diluluskan tanpa makluman dan persetujuan Pegawai Kewangan Negeri dan kelulusan Sidang Dewan Undangan Negeri. Walaupun projek pengurusan pantai dan projek saliran alam tidak dibentangkan bagi sesi anggaran pemeriksaan bajet Vot P62 akan tetapi ia masih boleh peruntukkan berdasarkan keperluan atas pandangan dan saranan pengurusan tertinggi tanpa mengabaikan proses yang dinyatakan. Pemilihan JPSNS kerana kerja-kerja yang perlu dilaksanakan di bawah peruntukan ini merupakan bidang di bawah kepakaran teknikal dan bidang tugas JPSNS.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Kaedah pemilihan projek secara umumnya adalah baik kerana 24 daripada 26 projek yang diaudit mempunyai kertas cadangan projek, dibincang dan dibentangkan dalam Mesyuarat Cadangan Projek-Projek Pembangunan Pelancongan serta dijemput bagi Sesi Pemeriksaan Anggaran Bajet P62. Bagaimanapun wujud kelemahan dalam proses kerja UPEN kerana kriteria pemilihan projek tidak dinyatakan dengan jelas mengakibatkan dua projek yang tidak mempunyai kertas kerja permohonan dipilih tanpa justifikasi yang kukuh.</b>
-----------------------	--

### **5.2.2. Pengurusan Projek/Kerja Pembangunan dan Penyenggaraan Produk Pelancongan**

Lawatan Audit telah dibuat terhadap 21 daripada 98 projek yang bernilai RM8.15 juta yang dilaksanakan pada tahun 2017 hingga 2019. Semakan dan lawatan Audit pada bulan Disember 2019 hingga Februari 2020 mendapati perkara seperti berikut:

#### **5.2.2.1. Projek Siap Tidak Dapat Digunakan**

##### **a. Projek Menaik Taraf Kompleks Teknologi Pertanian, Ulu Sepri (KTPUS) Sebagai Pusat Agro Pelancongan**

- i. KTPUS dimiliki oleh Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (JPNS) dan projek ini adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Daerah Rembau (JKR Rembau) sebagai jabatan teknikal. Berdasarkan kertas cadangan projek oleh JPNS, projek melibatkan tiga kerja utama iaitu membaiki keretakan bangunan, membekal sumber air bersih dan menaik taraf kemudahan fasiliti. Peruntukan yang diluluskan bagi projek tersebut adalah berjumlah RM1.15 juta. Objektif

projek adalah untuk membaiki kerosakan dan keretakan bangunan KTPUS, menaik taraf kemudahan fasiliti, membekalkan sumber air bersih dan meningkatkan kutipan hasil melalui sewaan kemudahan fasiliti.

- ii. Kerja yang telah dilaksanakan adalah menaik taraf kemudahan fasiliti yang melibatkan dua skop utama iaitu kerja awam (menaik taraf chalet, apartmen, bilik rehat bernilai RM435,462) dan kerja elektrik (penyenggaraan elektrik dan pendawaian semula bernilai RM119,717).
- iii. Lawatan Audit pada 3 Februari 2020 mendapati **kerja naik taraf 16 unit chalet, enam unit rumah rehat (apartmen) dan ubah suai dua unit bilik rehat tetamu kepada tiga unit yang telah siap pada 3 Disember 2019 tidak dapat digunakan kerana tiada bekalan air bersih**. KTPUS menggunakan bekalan air dari sungai yang dirawat sendiri bagi kegunaan asas di bangunan pejabat dan aktiviti pertanian. Keadaan chalet dan rumah rehat yang telah dinaik taraf tetapi tiada bekalan air bersih adalah seperti dalam **Gambar 7** dan **Gambar 8**.

**GAMBAR 7**



Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri  
- Chalet yang Telah Dinaik Taraf Tidak Boleh  
Digunakan Kerana Tiada Bekalan Air Bersih  
(03.02.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 8**



Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri  
- Rumah Rehat yang Telah Di Naik Taraf Tidak  
Boleh Digunakan Kerana Tiada Bekalan Air Bersih  
(02.12.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati JKR Rembau tidak dapat meneruskan kerja membekal air bersih disebabkan kerja pengurusan khidmat nasihat (surveyor) bagi pemasangan paip luaran belum dilaksanakan. Laporan tersebut diperlukan oleh JKR Rembau bagi mereka bentuk paip luaran. JPNS pula memaklumkan bahawa pihaknya masih berbincang dengan Jabatan Bekalan Air dan JKR Negeri Sembilan bagi menentukan pelaksanaan projek.
- v. Selain itu juga, kerja membaiki kerosakan dan keretakan bangunan KTPUS tidak dimasukkan dalam senarai kerja seperti dinyatakan dalam permohonan peruntukan. **Isu berkaitan keretakan bangunan dan mendapan**

**tanah di KTPUS telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 1.** Berdasarkan LKAN tersebut, Unit Forensik Tanah Runtuh, Bahagian Kejuruteraan Cerun, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah mengesyorkan pembaikan keretakan melalui Laporan Awalan Pemeriksaan Kegagalan Cerun di KTPUS. Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik, Ibu Pejabat JKR Malaysia turut mengesyorkan pembaikan keretakan melalui Laporan Pemeriksaan Geoteknik bagi Laporan Awalan Kegagalan Cerun di KTPUS. Bagaimanapun, **lawatan Audit pada bulan Februari 2020 mendapati keretakan yang sama masih belum dibaiki** seperti dalam **Gambar 9** dan **Gambar 10**.

**GAMBAR 9**



Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri  
- Gabion yang Runtuh di Sungai  
Masih Belum Diperbaiki  
(03.02.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 10**



Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri  
- Keretakan Apron di Sepanjang Blok Pejabat  
Masih Belum Diperbaiki  
(03.02.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 11**



Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri  
- Keretakan Apron Maksimum 2 Inci di Blok Pejabat  
Masih Belum Diperbaiki  
(03.02.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 12**



Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri  
- Keretakan Apron Maksimum 2 Inci di Blok Pejabat  
Masih Belum Diperbaiki  
(03.02.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- vi. Pihak Audit dimaklumkan oleh Penolong Pegawai Pertanian JPNS, JKR Rembau ada membuat lawatan tapak pada tahun 2019 bagi menentukan skop projek yang perlu dilaksanakan di KTPUS. Bagaimanapun, tiada laporan dikemukakan susulan daripada lawatan tersebut.

## **Maklum Balas JPNS dan JKR Rembau yang Diterima pada 5 Oktober 2020**

Pada 7 Februari 2020, pihak JPNS dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan (JKRNS) telah mengadakan satu perbincangan dengan JKR Putrajaya untuk mendapatkan keputusan muktamad mengenai agensi yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan kerja tersebut. Perbincangan memutuskan bahawa JKRNS akan membuat pelaksanaan bagi kerja-kerja bekalan air bersih dalaman dan luaran.

Melalui mesyuarat pada 20 Februari 2020, diputuskan bahawa kerja-kerja bekalan air bersih di KTPUS akan dilaksanakan oleh pihak JKRNS dengan peruntukan sejumlah RM500,000.

Anggaran JKRNS bagi kos keseluruhan untuk kerja-kerja air luaran dan dalaman adalah RM3 juta. Kertas cadangan telah diangkat kepada UPEN dan PKN serta telah dipersetujui peruntukan diberi secara berperingkat. Pihak JKRNS menyatakan pihaknya mengambil maklum mengenai kos kerja bekalan air bersih adalah bernilai RM3 juta dan projek tersebut dijangka akan siap pada tahun 2022.

Melalui surat daripada JKRNS bertarikh 26 Ogos 2020, dimaklumkan bahawa hanya kerja-kerja *Soil Investigation* (SI) sahaja yang dapat dilaksanakan pada tahun 2020 dengan kos sejumlah RM20,000. JPNS telah mencadangkan kerja-kerja pembaikan kerosakan dan keretakan bangunan di KTPUS berjumlah RM400,000 dengan menggunakan peruntukan mengurus tahun 2021. JPNS telah berhubung dengan pihak JKR Rembau untuk mendapatkan laporan lawatan tersebut dan masih belum menerima sehingga kini.

### **5.2.2.2. Projek Siap Tidak Disenggara dan Infrastruktur Tidak Digunakan Mengikut Tujuan Asal**

#### **a. Projek Pemulihan Pantai Teluk Kemang**

- i. Projek ini telah dimulakan pada 21 Mei 2018 dan siap pada 10 September 2018. Projek ini telah dilaksanakan oleh JPSNS dengan kos berjumlah RM494,629. Tujuan pelaksanaan projek adalah untuk mengurangkan kekerapan banjir di kawasan dataran Teluk Kemang yang kebiasaannya berlaku antara satu hingga dua kali setahun akibat sistem saliran yang dipenuhi pasir pantai.

- ii. Komponen projek ini antaranya adalah membersih mendapan pasir di dalam longkang, membaiki longkang, membaiki konkrit *slab* bertetulang untuk longkang dan kerja membekal, menghampar dan meratakan pasir laut dengan anggaran 90 meter panjang.
- iii. Berdasarkan Annex 2: Maintenance dalam Urban Stormwater Management Manual for Malaysia (MASMA), longkang saliran hendaklah disenggara secara berkala bagi membuang tumbuhan, mendapan kelodak dan sampah sarap bagi mengekalkan kapasitinya untuk menyalurkan air. Kerosakan pada alas lapis longkang, sambungan longkang dan rasuk pengikat juga perlu dibaiki dengan segera bagi mengelakkan kegagalan pada struktur longkang tersebut.
- iv. Lawatan Audit pada 8 Januari 2020 mendapati secara keseluruhannya kerja pembinaan pada komponen utama projek dan kerja-kerja lain yang berkaitan adalah memuaskan dan mematuhi spesifikasi kontrak. Semakan Audit juga mendapati tiada kejadian banjir berlaku setelah projek siap sehingga tarikh lawatan.
- v. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati longkang saliran/*sump* dipenuhi dengan pasir dan kelodak. Melalui temu bual dengan Jurutera Daerah JPSPD, belum ada apa-apa penyenggaraan susulan dibuat setelah projek siap sehingga tarikh lawatan Audit. JPSNS tidak dapat melaksanakan penyenggaraan susulan selepas projek siap kerana ketiadaan peruntukan untuk penyenggaraan tahunan. Pihak JPSPD juga memaklumkan tiada penetapan khusus bagi tanggungjawab penyenggaraan sistem saliran dan sempadan penyenggaraan yang jelas dan dipersetujui di antara JPSNS dan MPPD.
- vi. **Walaupun tiada kejadian banjir selepas projek siap, ketiadaan penyenggaraan susulan secara berkala pada sistem saliran berhampiran kawasan pantai boleh mengakibatkan risiko berlakunya banjir kilat.** Ini kerana air larian hujan tidak dapat mengalir di dalam sistem saliran yang dipenuhi pasir pantai. Penyenggaraan susulan yang perlu dibuat adalah pembuangan kelodak pada sistem saliran di dalam kawasan pantai dan penambakan semula pasir pantai [selepas lima tahun]. Ini bagi mengelakkan sistem saliran gagal berfungsi dan mengakibatkan kos baik pulih dan penyenggaraan yang tinggi. Keadaan *sump* yang dipenuhi pasir, kelodak dan sampah adalah seperti dalam **Gambar 13**. Tindakan penyenggaraan *sump* yang telah dilaksanakan oleh MPPD setelah mendapat teguran pihak Audit pula adalah seperti dalam **Gambar 14**.

**GAMBAR 13**

Pantai Teluk Kemang, Port Dickson  
- Struktur *Sump* Dipenuhi Dengan Pasir,  
Kelodak dan Sampah  
(08.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 14**

Pantai Teluk Kemang, Port Dickson  
- Kerja Penyenggaraan *Sump* oleh Pihak MPPD  
Selepas Mendapat Teguran Audit  
(25.06.2020)  
(Sumber: JPSNS)

### **Maklum Balas UPEN dan JPSNS yang Diterima pada 5 Oktober 2020**

Pada tahun 2018, penyenggaraan *sump* dan saluran keluar ke laut dilaksanakan oleh JPSNS kerana termasuk di dalam skop kerja Projek Pemulihan Pantai Teluk Kemang, Port Dickson. Bagaimanapun selepas tahun 2018, tanggungjawab penyenggaraan *sump* adalah di bawah seliaan MPPD dan dilaksanakan bergantung kepada keperluan. Kerja penyelenggaraan *sump* terkini yang telah dilaksanakan oleh pihak MPPD adalah pada 25 Jun 2020.

#### **b. Pembangunan Infrastruktur di Taman Eko-Rimba Gunung Datuk, Rembau**

- i. Projek ini telah dimulakan pada 8 Oktober 2019 dan siap pada 2 Disember 2019 dengan kos sejumlah RM582,957. Projek ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Objektif projek adalah untuk menyediakan kemudahan dan fasiliti yang mencukupi, selesa dan selamat kepada pelancong. Antara kerja yang dilaksanakan adalah menaik taraf kemudahan sedia ada, kerja-kerja pendawaian dan penyenggaraan elektrik dan membina sebuah wakaf untuk kemudahan pelancong.
- ii. Lawatan Audit pada 20 Januari 2020 mendapati surau yang telah dibaik pulih telah digunakan sebagai tempat rehat kakitangan Taman Eko-Rimba Gunung Datuk. Keadaan surau juga tidak dijaga dengan baik menyebabkan pelancong perlu menggunakan rumah wakaf sebagai surau. Keadaan kaunter tiket juga tidak kemas dan digunakan sebagai stor. Keadaan ini menjaskan objektif projek untuk menyediakan kemudahan dan fasiliti yang mencukupi, selesa dan

selamat kepada pelancong. Keadaan kemudahan yang tidak digunakan mengikut tujuan asal adalah seperti dalam **Gambar 15** hingga **Gambar 17**.

**GAMBAR 15**



Taman Eko-Rimba Gunung Datuk  
- Keadaan Surau yang Dijadikan Bilik Rehat Kakitangan  
(20.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 16**



Taman Eko-Rimba Gunung Datuk  
- Rumah Wakaf Digunakan Sebagai Surau oleh Pelancong  
(20.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



**GAMBAR 17**

Taman Eko-Rimba Gunung Datuk  
- Kaunter Tiket Dijadikan Stor dan Tidak Kemas  
(20.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### Maklum Balas Jabatan Perhutanan yang Diterima pada 5 Oktober 2020

Spesifikasi kerja-kerja Menaik Taraf Pembangunan di Taman Eko-Rimba Gunung Datuk disediakan oleh pihak JKR Rembau selepas perbincangan dengan Jabatan Perhutanan meliputi kerja-kerja seperti menaik taraf bilik mandi lelaki dan perempuan, menaik taraf tandas lelaki dan tandas perempuan, pembaikan dewan terbuka, menaik taraf sistem perpaipan dan tangki air serta menurap dataran kejat.

Disebabkan oleh kekangan masa, pihak JKR Rembau mencadangkan supaya pengubahsuaian chalet kepada surau tidak dilaksanakan. Ini menyebabkan para pelancong masih menggunakan rumah wakaf sebagai tempat solat.

Peringkat awal perbincangan pembangunan, JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR Rembau dan Jabatan Perhutanan telah sama-sama bersetuju untuk menaik taraf sebuah chalet menjadi surau (lelaki dan perempuan). Bagaimanapun, tawaran sebut harga kerja awam masih belum bermula dan JKR Rembau telah memutuskan pembangunan surau tidak dapat dijalankan kerana kesuntukan masa. Kaunter tiket lama tidak lagi digunakan sebagai kaunter tiket kerana pihak jabatan telah membina

dan menggunakan kaunter tiket baharu di kaki gunung yang lebih bersesuaian pada tahun 2018. Kini kaunter lama tersebut telah dijadikan sebagai stor simpanan barang pejabat.

### **5.2.2.3. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi Ditetapkan**

Kerja yang dilaksanakan hendaklah berdasarkan kepada spesifikasi yang ditetapkan dalam *Bill of Quantities* (BQ), perjanjian projek, piawaian umum dan kualiti yang ditetapkan. Lawatan Audit pada bulan Disember 2019 hingga Februari 2020 terhadap 21 projek pembangunan dan penyenggaraan kawasan pelancongan mendapati 18 projek telah dilaksanakan berdasarkan spesifikasi ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat tiga projek tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi, piawaian umum dan kualiti ditetapkan, iaitu tiada lakaran skematik di *Distribution Board* (DB), bumbung rosak dan berlekuk serta tiada pindaan skop atau pelarasan harga bagi penggantian item. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan pengukuran semula bagi kerja yang telah dilaksanakan kontraktor tidak dilakukan dengan sempurna oleh penyelia tapak dan pemantauan kerja oleh penyelia tapak yang kurang cekap. Butiran lanjut mengenai kerja yang tidak mengikut spesifikasi, piawaian umum dan kualiti ditetapkan adalah seperti berikut:

#### **a. Pembangunan *Taipan Walk* Seremban (Fasa 1)**

- i. Kos keseluruhan bagi Pembangunan *Taipan Walk* Seremban (Fasa 1) berjumlah RM2 juta. Skop kerja termasuklah membina dan mendirikan sebuah arked satu tingkat yang mengandungi 42 unit gerai, tandas dan surau serta kerja-kerja bangunan.
- ii. Berdasarkan kepada lukisan projek Pembangunan *Taipan Walk* Seremban (Fasa 1), dinding bata hendaklah dibina di pintu masuk sebelah kiri dan kanan bangunan. Manakala bumbung pula adalah berkonsepkan *metaldeck roofing panels with steel drip edge flashing to manufacturer detail & arch*. Selain itu, berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Peraturan 19 (b), pengaliran tiap-tiap konduktor hendaklah boleh dikesan dan gambar rajah sambungan yang dilukis dengan jelas perlu dipamerkan berdekatan dengan papan suis tersebut.
- iii. Lawatan Audit pada 29 Januari 2020 mendapati **tiada dinding bata dibina di pintu masuk sebelah kiri dan kanan bangunan serta tiada pemasangan pintu jenis D4 di kawasan meter air dan**

**meter Tenaga Nasional Berhad (TNB)**. Pembinaan dinding bata dan pemasangan pintu jenis D4 dalam BQ adalah bernilai RM9,039. Semakan Audit juga mendapati tiada lukisan pindaan disediakan. Bayaran penuh telah dibuat kepada kontraktor walaupun pembinaan sebenar berbeza daripada BQ dan lukisan projek.

- iv. Bumbung jenis *metaldeck* pula didapati berlekuk dan rosak. Semakan Audit mendapati perkara ini tiada dalam rekod senarai kecacatan yang dikemukakan semasa pengauditan. Kerosakan pada bumbung tersebut menyebabkan air hujan tidak dapat mengalir dengan sempurna dan mengakibatkan ketirisan pada bahagian dalam gerai. Selain itu, rajah skematik tidak dilekatkan pada *distribution board*. Ini akan menyukarkan kontraktor apabila kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan kelak. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 18** hingga **Gambar 23**.

**GAMBAR 18**



Kawasan Luar Taipan Walk (Meter Air)

- Tiada Pemasangan Dinding Bata dan Pintu Jenis D4 di Kawasan Meter Air Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) (29.01.2020)
- (Sumber: Jabatan Audit Negara)


**GAMBAR 19**



Kawasan Luar Taipan Walk (Meter TNB)

- Tiada Pemasangan Dinding Bata
  - dan Pintu Jenis D4 di Kawasan Meter TNB (29.01.2020)
- (Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 20**



Lukisan Pembinaan 07 Taipan Walk Fase 1

*SECTION B-B*

*SECTION C-C*

*Left Elevation (Left Wing Entrance)*  
*Right Elevation (Right Wing Entrance)*

*Door & Window Schedule Floor Area*  
(29.01.2020)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 21**




*Taipan Walk*

- Bumbung Jenis *Metaldeck*
  - Didapati Berlekuk dan Rosak (29.01.2020)
- (Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 22***Taipan Walk*

- Bumbung Jenis *Metaldeck*
  - Didapati Berlekuk dan Rosak  
(29.01.2020)
- (Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 23***Taipan Walk*

- Kesan Air Menitis di dalam Gerai  
(29.01.2020)
- (Sumber: Jabatan Audit Negara)

### **Maklum Balas MBS yang Diterima pada 5 Oktober 2020**

Pada bulan Februari 2020 pihak MBS telah bertemu dengan wakil peniaga dan menyerahkan borang senarai kerosakan untuk diisi oleh para peniaga. Peniaga telah mengembalikan borang tersebut untuk tindakan pemberian. Kerja-kerja pemberian bumbung *metaldeck* telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan berdasarkan borang-borang senarai aduan berkenaan pada Mac 2020. Pintu D4 dan dinding bata tidak dibina kerana mengikut keperluan pihak SAINS dan TNB. Ia telah diganti dengan pemasangan jeriji untuk memudahkan pihak SAINS dan TNB membaca meter dan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan. Terdapat perubahan kerja bernilai RM3,539 (kurangan) bertarikh 3 Mac 2020 dan pelarasaran harga telah dibuat bagi kerja tersebut dalam penyata akaun muktamad. Rajah skematik telah dilekatkan pada *distribution board* untuk rujukan kontraktor bagi kerja-kerja penyenggaraan.

#### **b. Menaik Taraf Pembangunan di Taman Eko-Rimba Gunung Datuk**

- i. Berdasarkan kepada BQ Projek Menaik Taraf Pembangunan di Taman Eko-Rimba Gunung Datuk, Item 5.2 iaitu membuka dan membawa keluar *handrai*/lama di wakaf dan membekal serta memasang yang baharu jenis *Mild Steel* seluas 12 m<sup>2</sup>. Berdasarkan semakan Audit, didapati bayaran bernilai RM2,800 telah dibuat bagi keluasan 14 m<sup>2</sup>. Namun begitu, **pengukuran Audit di tapak pada 20 Januari 2020 mendapati luas *handrail* yang dipasang adalah 9.71 m<sup>2</sup> telah terkurang sebanyak 4.295 m<sup>2</sup> dari jumlah keluasan yang dibayar iaitu 14 m<sup>2</sup> dan bayaran telah melebihi sejumlah RM859.**

- ii. Item 4.9 bagi kerja melepa lantai dan membekal serta memasang jubin lantai jenis *nonslip homogeneous* berukuran 600 mm x 300 mm x 8 mm seluas 50 m<sup>2</sup> bernilai RM5,500. Pengukuran Audit di tapak mendapati keluasan jubin sebenar yang dipasang adalah seluas 37.44 m<sup>2</sup> sahaja. Bagaimanapun, bayaran sejumlah RM4,620 telah dibuat bagi keluasan jubin 42 m<sup>2</sup> iaitu melebihi 4.56 m<sup>2</sup> daripada pemasangan sebenar seluas 37.44 m<sup>2</sup>.
  
- iii. Lawatan Audit pada 20 Januari 2020 mendapati bagi kerja-kerja elektrikal, berdasarkan BQ projek, terdapat pemasangan satu unit *ceiling fan point using 2 x 1.5 mm<sup>2</sup> PVC cable* dan *protective conductor c/w 10A 1 way metalclad switch*. Bagaimanapun, **tiada kabel pembumian (cable protective conductor) dipasang pada metalclad switch board seperti yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Peraturan 34 (1)**. Perkara ini mendedahkan pengguna berisiko terkena renjatan elektrik jika terdapat arus bocor pada *metalclad switch* tersebut. Selain itu, rajah skematik juga tiada pada *distribution board*. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 24**.



**GAMBAR 24**

Blok Dewan Taman Eco- Rimba Gunung Datuk  
 - Tiada *Cable Protective Conductor (CPC)* Dipasang  
 Pada *Metalclad Switch Board*.  
 (20.01.2020)  
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

### **Maklum Balas JKR Rembau yang Diterima pada 5 Oktober 2020**

Pihak JKR Daerah Rembau mengakui terdapat kesilapan dalam pengukuran semula bagi kerja yang melibatkan *handrail* dan jubin lantai, di mana terdapat lebihan bayaran sejumlah RM1,360 kerana pegawai JKR Rembau tidak membuat pengukuran semula. Ini kerana pihaknya perlu memastikan dokumen tuntutan bayaran dilengkapkan sebelum akaun ditutup pada 15 Disember 2019. Kerja pemasangan *handrail* dan jubin lantai telah siap pada 2 Disember 2019 dan beliau menandatangani inden pada 4 Disember 2019.

Jurutera Daerah Rembau memaklumkan tiada kerugian di pihak Kerajaan kerana terdapat kerja-kerja tambahan (VO) yang telah dilaksanakan.

Selain itu, pihak JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik mengakui pihaknya terlepas pandang mengenai *Cable Protective Conductor* yang tidak dipasang pada *Metalclad Switch Board*. Pihak JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah memasang kabel hijau pada panel *switch* dan disambung ke peti agihan untuk pembumian.

### c. Pusat Agro Pertanian Chuah, Port Dickson

- i. Berdasarkan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 Peraturan 15 (1), mana-mana radas, konduktor atau aksesori bagi maksud penyambungan kepada sesuatu pepasanahan hendaklah dalam saiz, kuasa dan bilangan yang mencukupi. Hal ini bagi menepati maksud yang dicadangkan, dan hendaklah dibina, dipasang, disusun, dilindungi, dikerjakan dan disenggarakan sedemikian rupa bagi mencegah bahaya. Lawatan Audit pada 20 Januari 2020 mendapati **earthing chamber tidak dipasang dengan sempurna dan mudah tercabut kerana mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan** seperti dalam **Gambar 25**. Keadaan ini boleh menyebabkan kotak *chamber* tercabut dan *earthing rod* tidak dapat dilindungi serta berbahaya kepada pengguna. Kerja pemasangan *earthing chamber* telah dilaksanakan dengan sempurna setelah teguran Audit adalah seperti dalam **Gambar 26**.

**GAMBAR 25**



Pusat Agro Pertanian Chuah, Port Dickson  
- *Earthing Chamber Tidak Dipasang Dengan Sempurna*  
(21.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 26**



Pusat Agro Pertanian Chuah, Port Dickson  
- *Earthing Chamber Telah Dipasang Dengan Sempurna*  
(03.02.2020)  
(Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan)

- ii. Selain itu, terdapat **tiga skop kerja elektrik yang tidak mengikut spesifikasi dan tidak dilaksanakan/dibekalkan di tapak** iaitu *wall fan point* terkurang sebanyak dua unit bernilai RM260, dua unit *20 inch wall fan* bernilai RM896 tidak dibekalkan dan dua unit *16 inch wall fan* bernilai RM560 juga tidak dibekalkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**SKOP KERJA YANG TIDAK DILAKUKAN SEMASA PEMERIKSAAN FIZIKAL AUDIT**

PROJEK/SKOP KERJA MENGIKUT BQ	KOS (RM)	PENEMUAN AUDIT	KOS TERLEBIH BAYAR (RM)
<i>Wall Fan Point using 2 x 1.5sq.mm PVC cable and protective conductor in concealed G.S conduit and surface G.S conduit base on site condition c/w 1 way 10A switch &amp; etc. – 8 Nos</i>	1,040	Hanya terdapat enam <i>wall fan point</i> iaitu terkurang sebanyak dua unit bernilai RM260.	260
<i>20 inch industrial wall fan c/w all accessories and etc – 8 Nos</i>	3,584	Hanya enam unit <i>20 inch industrial wall fan</i> dibekalkan di tapak iaitu terkurang sebanyak dua unit bernilai RM896.	896
<i>16 inch wall fan c/w all accessories and etc – 2 unit</i>	560	Tiada item <i>16 inch Wall Fan</i> sebanyak dua unit bernilai RM560 dibekalkan di tapak.	560
<b>JUMLAH</b>	<b>5,184</b>		<b>1,716</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Maklum Balas Jabatan Pertanian Negeri Sembilan yang Diterima pada 5 Oktober 2020**

Kerja-kerja pemasangan *earthing chamber* telah dilaksanakan dengan sempurna pada 3 Februari 2020. Sebanyak dua unit *wall fan point*, dua unit *20 inch wall fan* dan dua unit *16 inch wall fan* yang kurang telah dilaksanakan/dibekalkan pada bulan Februari 2020.

d. Kelemahan yang berlaku dalam pengurusan projek/kerja yang dilaksanakan mengakibatkan Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan membuat bayaran bagi kualiti dan skop yang tidak mengikut spesifikasi. Selain itu, kerja elektrik yang tidak mengikut piawaian umum turut mendedahkan risiko berlakunya kerosakan, kemalangan dan kecederaan.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Objektif projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan masih belum tercapai sepenuhnya. Hal ini kerana terdapat projek siap tidak dapat digunakan, tidak disenggara, infrastruktur tidak digunakan mengikut tujuan asal dan kerja tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Keadaan ini sekali gus menjelaskan tahap keselesaan pelancong terhadap infrastruktur yang disediakan.</b>
-----------------------	--

### 5.2.3. Pengurusan Promosi dan Acara Pelancongan

#### 5.2.3.1. Pengurusan Promosi Pelancongan

- a. LPNS telah membahagikan program promosi kepada tujuh kaedah promosi. Kategori tersebut adalah penerbitan; misi jualan dan pameran dalam negara; promosi pelancongan dalam negara; promosi pelancongan luar negara; cenderamata; promosi ICT; dan tajaan promosi pelancongan kepada agensi/pengusaha pelancongan. Daripada tujuh kategori tersebut, perbelanjaan tertinggi adalah tajaan promosi acara pelancongan anjuran agensi sejumlah RM0.79 juta manakala yang terendah adalah promosi pelancongan dalam negara. Butiran lanjut mengenai agihan perbelanjaan promosi bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**AGIHAN PERBELANJAAN PROMOSI BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

BIL.	PERKARA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)				JUMLAH	
		2017	2018	2019	2020	(RM)	(%)
1.	Penerbitan/Iklan/Publisiti/Cetakan	273,820	93,850	183,420	750	551,840	19.7
2.	Program Misi Jualan dan Pameran Dalam Negara	209,584	201,616	212,295	0	623,495	22.2
3.	Program Promosi Pelancongan Dalam Negara	0	0	80,400	0	80,400	2.9
4.	Program Promosi Pelancongan Luar Negara	0	0	227,200	295,126	522,326	18.6
5.	Promosi ICT	97,000	0	0	Tiada kategori untuk tahun 2020	97,000	3.5
6.	Tajaan Promosi Acara Pelancongan anjuran agensi	343,101	231,240	192,630	25,205	792,176	28.3
7.	Cenderamata	49,884	38,775	47,550	0	136,209	4.9
<b>JUMLAH</b>		<b>973,389</b>	<b>565,481</b>	<b>943,495</b>	<b>321,081</b>	<b>2,803,446</b>	<b>100</b>


Sumber: Unit Promosi dan Pemasaran, LPNS

- b. Promosi penerbitan terdiri daripada paparan *billboard*, kempen pengiklanan di media elektronik, percetakan brosur, kalender acara, *Fun Map* Negeri Sembilan dan *flyers*; serta publisiti di majalah pelancongan dan akhbar tempatan. Semakan Audit mendapati LPNS telah melaksanakan program promosi seperti mengedarkan brosur, *flyers*, kalender acara dan *Fun Map* yang mengandungi informasi dan panduan tentang produk pelancongan ke jabatan kerajaan dan premis pelancongan. LPNS juga telah menyertai Program Promosi MATTA *FAIR* yang diadakan pada setiap bulan Mac dan September bagi tahun 2017 hingga 2019.
- c. Bagi pelaksanaan Promosi Melalui ICT, LPNS tidak mempunyai sistem data berpusat bagi memudahkan orang awam mengakses maklumat mengenai produk pelancongan, penganjuran acara pelancongan dan lokasi penginapan di Negeri

Sembilan. Perkara ini disebabkan pembangunan semula laman sesawang pelancongan Negeri Sembilan belum dijalankan. Petikan artikel Berita Harian bertarikh 6 Julai 2019 bertajuk NS Perlu Tingkatkan Promosi Tempat Pelancongan menyatakan "...masih ramai yang belum mengetahui mengenai pelbagai lokasi pelancongan dan aktiviti menarik di negeri ini, dan ia jelas kerana kurangnya promosi dijalankan setakat ini."

- d. Bagaimanapun, LPNS ada mempromosikan produk pelancongan Negeri Sembilan melalui laman sosial *Facebook* di pautan [www.facebook.com/lembagapelancangannegerisembilan](http://www.facebook.com/lembagapelancangannegerisembilan).
- e. Setakat 2 April 2020, laman *Facebook* LPNS mempunyai jumlah pengikut seramai 11,176. Selain *Facebook*, LPNS turut mempromosi produk pelancongan melalui laman Instagram iaitu @visitnegerisembilan dengan jumlah pengikut seramai 1,955 (setakat bulan April 2020). Pihak Audit mendapati **LPNS kurang aktif dalam mengemas kini maklumat mengenai produk pelancongan Negeri Sembilan apabila hanya 16 status dimuat naik pada tahun 2019, 12 status pada 2018 dan 15 status pada tahun 2017.**
- f. Selain itu juga, Pihak Audit turut mengedarkan Borang Soal Selidik bagi menentukan kaedah pelancong mengetahui kewujudan produk pelancongan di Negeri Sembilan. Pihak Audit telah menerima 212 jawapan daripada 137 borang soal selidik yang dikembalikan kerana setiap responden boleh memberi lebih daripada satu jawapan. Berdasarkan analisis terhadap 137 borang soal selidik yang diterima, 56.6% (120 daripada 212 jawapan) menyatakan mengetahui kewujudan produk pelancongan melalui cerita dan pengalaman menarik daripada keluarga/sahabat, 28.8% (61 daripada 212 jawapan) melalui promosi di media cetak/elektronik dan 7.1% (15 daripada 212) melalui promosi menarik di media sosial LPNS (Laman *Facebook/Instagram*). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 3**.

**CARTA 3**  
**KAEDAH PELANCONG MENGETAHUI KEWUJUDAN PRODUK PELANCONGAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- g. LPNS turut memberi sumbangan promosi pelancongan kepada agensi, jabatan kerajaan dan kelab melalui peruntukan Akaun Amanah Lembaga Pengurusan Pelancongan Negeri Sembilan. Sumbangan tersebut antaranya adalah untuk menampung sebahagian kos penganjuran program pelancongan seperti logistik, cetakan dan hebahan promosi serta hadiah pertandingan.

#### **Maklum Balas LPNS yang Diterima pada 19 Oktober 2020**

Pada tahun 2020, LPNS telah giat mempromosikan pelancongan Negeri Sembilan melalui platform media sosial rasmi LPNS dengan data seperti berikut bagi Januari hingga September 2020:

- Facebook* LPNS – 195 status dimuatnaik/repost
- Instagram* LPNS – 62 status dimuatnaik

**Pendapat Audit** | **Pelaksanaan program promosi pelancongan dalam/luar negara dan promosi ICT yang tidak konsisten pada tahun 2017 hingga 2020 boleh menjelaskan objektif menarik kedatangan pelancong ke Negeri Sembilan.**

### 5.2.3.2. Pengurusan Acara Pelancongan

- a. Unit Acara LPNS bertanggungjawab merancang dan melaksanakan acara pelancongan bertujuan mempromosikan produk pelancongan. Setakat bulan Disember 2020, terdapat 98 Produk Pelancongan Negeri Sembilan yang didaftarkan atau telah diiktiraf di bawah LPNS.
- b. Bagi tahun 2017 hingga 2020, sebanyak 86 acara pelancongan dengan peruntukan sejumlah RM8.20 juta telah dirancang dan diluluskan. Semakan Audit mendapati lokasi penganjuran acara pelancongan bagi tahun 2017 hingga 2020 telah dilaksanakan di 17 (17.3%) daripada 98 produk pelancongan.
- c. Selain itu, semakan Audit mendapati produk pelancongan di daerah Port Dickson dan Jelebu merupakan tumpuan utama lokasi penganjuran acara pelancongan, masing-masing enam dan lima penganjuran diadakan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Bagaimanapun, tiada acara pelancongan yang melibatkan produk pelancongan di daerah Seremban dan Rembau bagi tempoh tersebut. Perkara ini disebabkan pemilihan lokasi penganjuran acara mengambil kira aspek kos logistik yang berpatutan, kesesuaian lokasi yang mudah dikunjungi dan infrastruktur yang disediakan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**PENGANJURAN ACARA PELANCONGAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020**

DAERAH	BILANGAN ACARA DIANJURKAN DI PRODUK PELANCONGAN			JUMLAH	JUMLAH PRODUK PELANCONGAN	PERATUS (%)
	2017	2018	2019			
Port Dickson	2	0	1	3	6	30
Jelebu	1	1	1	2	5	12
Seremban	0	0	0	0	0	26
Kuala Pilah	1	1	0	1	3	12
Tampin	0	1	1	0	2	6
Jempol	1	0	0	0	1	6
Rembau	0	0	0	0	0	6
<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>6</b>	<b>17</b>	<b>98</b>
17.3						

Sumber: Unit Acara, LPNS

### Maklum Balas LPNS yang Diterima pada 5 Oktober 2020

Fungsi dan peranan LPNS adalah mempromosi dan menggalakkan aktiviti pelancongan Negeri Sembilan. Dalam menganjurkan sebarang program, LPNS akan mengambil kira pelbagai faktor yang memberi impak langsung kepada program

tersebut seperti lokasi, jarak, kos, *accessibility* pengunjung, kesediaan produk, pengisian program yang sesuai, pemilihan dan ketetapan daripada *stakeholder* serta logistik.

**Pendapat Audit** | **Pengurusan acara pelancongan adalah kurang memuaskan kerana acara pelancongan hanya dilaksanakan di 17 atau 17.3% daripada 98 produk pelancongan. Penumpuan acara di beberapa produk pelancongan sahaja menyebabkan sokongan promosi daripada LPNS tidak diagihkan secara menyeluruh bagi menyokong kesemua 98 produk pelancongan di Negeri Sembilan.**

#### **5.2.4. Mekanisme Pemantauan**

- a. Bagi memantau perkembangan semasa industri pelancongan Negeri Sembilan, Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pelancongan Negeri Sembilan (JBPNS) telah ditubuhkan pada 30 Mei 2018 dan dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan (MBNS). Ahli mesyuarat terdiri daripada ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli tetap yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan negeri serta pemain-pemain industri pelancongan di Negeri Sembilan. Menurut terma rujukan JBPNS, kekerapan mesyuarat adalah empat kali setahun.
- b. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pelancongan Negeri Sembilan telah diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2018, lima kali pada tahun 2019 dan tiga kali pada tahun 2020.
- c. Antara bidang tugas jawatankuasa adalah membuat pemantauan terhadap perkembangan semasa industri pelancongan Negeri Sembilan dari sudut projek-projek pelancongan yang meliputi penambahan produk baru yang memberi impak dan penyelenggaraan produk pelancongan sedia ada. Bagaimanapun, berdasarkan minit **Mesyuarat JBPNS pada tahun 2018 dan 2019, pihak Audit mendapati prestasi pelaksanaan projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan yang menggunakan peruntukan P62 tidak dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.**

## **Maklum Balas LPNS yang Diterima pada 21 Jun 2021**

Bermula bilangan 3 tahun 2020 Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pelancongan Negeri Sembilan telah bersetuju dan memutuskan supaya prestasi pelaksanaan projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan yang menggunakan peruntukan P62 dijadikan sebagai agenda tetap mesyuarat dan dibentangkan oleh agensi pelaksana masing-masing. Pada tahun 2018 dan 2019, pembentangan prestasi projek P62 ada dilaksanakan di dalam mesyuarat namun tidak dibentangkan secara terperinci.

**Pendapat | Kaedah pemantauan projek yang tidak menyeluruh dan tidak Audit | terperinci boleh menjelaskan pencapaian output projek.**

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa prestasi output pelaksanaan projek pembangunan dan penyenggaraan produk pelancongan adalah baik kerana mencapai 97.6% berbanding yang dirancang. Prestasi output program promosi dan acara pula adalah memuaskan, iaitu masing-masing mencapai 63.3% dan 41.9%. Berdasarkan kajian kepuasan pelanggan yang dijalankan, lebih tinggi peratusan responden yang bersetuju bahawa infrastruktur/kemudahan yang disediakan di sepuluh produk pelancongan adalah mencukupi dan disenggara dengan baik berbanding responden yang tidak bersetuju. Namun, tahap kepuasan hati pelancong terhadap aspek kebersihan di lima Taman Eko-Rimba adalah kurang memuaskan walaupun kerja pembersihan berkala dijalankan. Bagi aspek pengurusan aktiviti, pelaksanaannya adalah kurang cekap kerana terdapat projek siap tidak digunakan, projek siap tidak disenggara, infrastruktur tidak digunakan mengikut tujuan asal dan terdapat kerja tidak mengikut spesifikasi ditetapkan. Selain itu, pengurusan promosi dan acara pelancongan juga tidak menyeluruh kerana tidak meliputi kesemua medium promosi yang dirancang serta tidak meliputi keseluruhan 98 produk pelancongan yang terdapat di Negeri Sembilan.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif program dapat dicapai, adalah disyorkan pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

- 7.1. UPEN dan LPNS hendaklah mewujudkan mekanisme dan melaksanakan penilaian keberhasilan dengan menyediakan pangkalan data untuk merekod maklumat pelancong supaya peruntukan yang dibelanjakan dapat diukur keberkesanan pencapaianya mengikut objektif yang ditetapkan;
- 7.2. UPEN dan jabatan kerajaan terlibat perlu melaksanakan tanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek bagi memastikan kerja pembinaan yang dilaksanakan berkualiti serta mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Setiap Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak hendaklah disokong dengan justifikasi yang munasabah dan diuruskan dengan teratur. Skop kerja hendaklah mengambil kira keselesaan pengguna dan kos penyenggaraan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan pada masa akan datang;
- 7.3. UPEN dan jabatan kerajaan terlibat perlu meningkatkan penyeliaan bagi memastikan syarat kontrak dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor dan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak; dan
- 7.4. LPNS perlu meningkatkan lagi program promosi dan acara bagi menarik lebih ramai pelancong melalui sebaran maklumat di media cetak dan elektronik seiring dengan perkembangan semasa.





# **PENUTUP**



---

## **PENUTUP**

---

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pelaksanaan program/projek/aktiviti jabatan/agensi Kerajaan. Kelemahan ini menyebabkan objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, pihak jabatan yang terlibat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran audit yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini. Sebagai rumusan, tiga cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
  - a. Aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan pelaksana, kontraktor dan vendor. Manakala bagi aktiviti operasi yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang, aspek penguatkuasaan perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap pematuhan.
  - b. Jabatan/agensi negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Ketua Jabatan juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
  - c. Aspek latihan juga perlu diberi perhatian kepada setiap peringkat pegawai/kakitangan bagi meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam pengurusan dan pelaksanaan program/projek/aktiviti Kerajaan.
2. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
30 Ogos 2021**





**AKRONIM**



## AKRONIM

APTVM	Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
BQ	<i>Bill of Quantities</i>
CPC	<i>Cable Protective Conductor</i>
DB	<i>Distribution Board</i>
FMD	<i>Foot and Mouth Disease - Penyakit Kaki dan Mulut</i>
IATn	Industri Asas Ternakan
INTOSAI	The International Organisation of Supreme Audit Institutions
JBPIT	Jawatankuasa Bantuan Peralatan dan Input Ternakan
JBPNS	Jawatankuasa Bertindak Pelancongan Negeri Sembilan
JKR	Jabatan Kerja Raya
JKR Rembau	Jabatan Kerja Raya Daerah Rembau
JKRNS	Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan
JPNS	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan
JPPJ	Jawatankuasa Perancang Dan Penilaian Jabatan
JPSNS	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan
JPSPD	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Port Dickson
JPVNS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan
KPKT	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
KTPUS	Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
LPNS	Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan
LTJ	Lawatan Terancang dan Berjadual
MASMA	Urban Stormwater Management Manual for Malaysia
MBS	Majlis Bandaraya Seremban
MDJ	Majlis Daerah Jelebu
MPJ	Majlis Perbandaran Jempol
MPPD	Majlis Perbandaran Port Dickson
NCES	National Coastal Erosion Studies
Perhutanan	Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
PINTAF	Pinjaman Induk Tanpa Faedah
PKN	Pegawai Kewangan Negeri
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan

PKWNS	Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan
PP	Pekeliling Perbendaharaan
PPT	Program Peningkatan Pengeluaran Ternakan
PPV	Program Pengembangan Veterinar
PPVD	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah
PUU	Penasihat Undang-undang
PV	Pembantu Veterinar
RFID	Radio Frequency Identification
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SAINS	Syarikat Air Negeri Sembilan
SI	<i>Soil Investigation</i>
SKV	Sijil Kesihatan Veterinar
SOP	Prosedur Operasi Standard
SSL	<i>Self Sufficiency Level</i> - Tahap Sara Diri
SST	Surat Setuju Terima
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
YAB	Yang Amat Berhormat



[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)



**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**  
ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62000 PUTRAJAYA